



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.35 SUBUH 4.45 SYURUK 6.10 DUHA 6.34 ZUHUR 12.23 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.34 ISYAK 7.50 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 75

22 JUN 2024 / 1445 ذوالحجـة 15

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

MANISNYA IMAN ايمان

"KAMI menceritakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) kisah mereka dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan kami tambahkan hidayah kepada mereka
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Kahfi, ayat 13.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sal'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua

Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee, hari ini.

>> Muka 2

Pupuk kemahiran pendidik laksana transformasi perubahan holistik

■ Oleh : Aimi Sani

TUNGKU LINK, Rabu, 19 Jun. - Dalam lima tahun kebelakangan, negara telah menyaksikan perkembangan mendalam dalam pendidikan, perubahan yang didorong oleh inovasi, penyelidikan dan komitmen yang teguh untuk meningkatkan amalan pengajaran. Di tengah-tengah evolusi ini terletak pemilihan latihan pengajaran, pendekatan dinamik yang bersama-sama membuka potensi penuh pendidik dan pelajar.

Pemilihan latihan pengajaran merupakan salah satu bidang kepakaran utama dalam kumpulan bakat pakar pendidikan Kementerian Pendidikan berserta penyelidikan, penilaian dan pengukuran, teknologi pendidikan, kurikulum dan pengajaran serta pendidikan khas. Setiap bidang kepakaran ini memainkan peranan penting dalam usaha kolektif bagi mencapai kecemerlangan pendidikan.

>> Muka 9

Majlis Ibadah korban eratkan silaturahim

■ Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

MUKIM PENGKALAN BATU, Khamis, 20 Jun. - Dalam sama-sama mengimarahkan rumah kegiatan agama dan memastikan ia sentiasa digunakan oleh pelbagai peringkat masyarakat dengan acara-acara keagamaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1445H/2024M.

Majlis tersebut berlangsung di Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara.

Sebanyak empat ekor lembu dan lima ekor kambing dikorbankan untuk majlis pagi tadi. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, dan isteri, Datuk Hjh Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Awang Saifullah bin Haji Mohammad Sofian, dari Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh.

Sejurus itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri bersama para jemputan khas beredar ke tempat bergotong-royong untuk memucang-mucang, melapah dan memotong daging ibadah korban bersama dengan Ahli Jawatankuasa Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh serta masyarakat Mukim Pengkalan Batu.

>> Muka 4

NBD berada dalam Monsun Barat Daya

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga September.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di negara kita pada kebiasaannya adalah agak stabil dengan

kejadian ribut petir berkurangan berbanding semasa monsun peralihan.

Keadaan angin secara amnya akan bertiup dari arah Barat Daya semasa tempoh tersebut.

>> Muka 7



Berita Utama



KEMENTERIAN Kewangan dan Ekonomi semarakkan ibadah korban

Muka 6



262 asnaf terima agihan daging korban

Muka 11



PROGRESIF sumbang Wi-Fi kepada 5 buah sekolah

Muka 23



RENCANA
BERSIKAP ihsan kepada
warga tua

Muka 29

Berkenan menerima mengadap

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee (atas kiri, atas dan kiri).

>> Muka 1

Juga hadir semasa Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Menyertai Tuan Yang Terutama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara

Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai dan pegawai-pegawai kanan dari Angkatan Bersenjata Diraja Thailand.

Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand telah menjalankan hubungan diplomatik sejak tahun 1984, menandakan 40 tahun kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara.

Hubungan erat di antara kedua-dua buah negara diperkuatkan lagi dengan

kerjasama melalui platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Aktiviti-aktiviti pertahanan dan ketenteraan yang dijalankan merangkumi kursus, pertukaran lawatan, mesyuarat dan eksesais serta melalui platform pelbagai hala khususnya di bawah rangka Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM).

WAKTU SEMBAHYANG

Jun MASIHI	HARI	Zuhijjah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	15	4 . 35	4 . 45	6 . 10	6 . 34	12 . 23	3 . 49	6 . 34	7 . 50
23	AHAD	16	4 . 35	4 . 45	6 . 10	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
24	ISNIN	17	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
25	SELASA	18	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
26	RABU	19	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
27	KHAMIS	20	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
28	JUMAAT	21	4 . 37	4 . 47	6 . 11	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan					
31 25 °C		31 24 °C		33 24 °C	
Pekan Bangar					
31 25 °C		31 24 °C		33 24 °C	
Pekan Tutong					
31 25 °C		31 24 °C		33 24 °C	
Kuala Belait					
31 25 °C		31 24 °C		33 24 °C	

Wallahu alam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

22 JUN 2024

Mohon doa untuk Rakyat Palestin di Gaza

DOA adalah senjata orang mukmin dan berperanan dalam menjadikan jiwa tenang. Kita sewajarnya sentiasa memanjatkan doa agar hati sentiasa bersih dan terpelihara dari sebarang kerosakan, kemungkar dan kemaksiatan. Berdoalah kepada-Nya kerana Allah Maha Mendengar setiap doa yang dipohonkan. Justeru, mohonlah pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengamalkan doa-doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kita adalah dituntut untuk mendoakan perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan dan bermanfaat sebagai contoh, mendoakan sahabat yang sedang dilanda musibah, mendoakan jiran yang sedang sakit supaya cepat sembuh dan mendoakan perlindungan dan kesejahteraan untuk semua umat Islam. Kita juga dilarang mendoakan sesuatu yang buruk mahupun yang terlarang, memudaratkan dan membinasakan orang lain meskipun mereka berbuat zalim kepada kita.

Dalam kita meraikan Aidiladha dengan suasana aman, tenang, selamat dan selesa seperti yang kita rasakan ini, kita juga tidak lupa mengenang kepada ribuan, malah ratusan ribu saudara-saudara seagama kita yang terperangkap dalam kacau-bilau, dalam huru-hara dan dalam kemasuhan perang di tanah air mereka seperti saudara kita yang berada di Palestin.

Mereka yang berada di sana setentunya sentiasa dalam kegelisahan, ketakutan, berendam air mata dan bermandikan darah kerana menghadapi penindasan dan serangan musuh durjana yang tidak berperikemanusiaan yang tanpa ada balas kasihan sehingga mengorbankan orang awam termasuk kanak-kanak dan wanita serta memusnahkan harta benda dan kehidupan masyarakat di sana. Mereka yang masih hidup pula kehilangan tempat tinggal dan bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang, anak-anak, kehilangan ibu dan ibu bapa kehilangan anak-anak.

Oleh itu, marilah kita terus memberikan sokongan, bantuan dan sumbangan yang kita mampu melalui Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai platform untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan bagi membantu meringankan beban serta penderitaan yang mereka hadapi.

Marilah kita terus memohon pertolongan tanpa jemu kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera dan semoga mereka akan dapat merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati.

- Ketua Penyuntingan (Ad)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دُرِيَنْكَ اولَه جَابِنْ قَرَاغْنَ، جَابِنْ قَرْدَانْ مَنْتَري دَانْ دَجِيْتَقَ اولَه فَرِينَتْ قَلَسَ سَنْدِيرِينَ بَرَحَ، نَكَارَا بَرُونَي

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee, Puan Panyada Noonpackdee, hari ini.

Turut hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejari Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Datin Dayang Ummisyafinah binti Haji Zaini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee, Puan Panyada Noonpackdee (gambar-gambar atas, atas kanan dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB), Kawasan Brunei IIA diadakan di Dewan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Juga berangkat anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.



29 pelajar ISB diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB), Kawasan Brunei IIA, yang diadakan di Dewan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut adalah bagi meraikan seramai 29 murid Darjah VI sekolah berkenaan yang terdiri daripada 17 murid lelaki dan 12 murid perempuan

ANTARA peserta khatam yang diraikan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah mengurniakan Sijil Khatam kepada anakanda DYTM.

setelah berjaya mengkhattamkan bacaan Al-Quran 30 Juz.

Antara peserta khatam yang diraikan di majlis tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

>> Muka 4

29 PELAJAR ISB DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Guru Besar Sekolah Ugama ISB, Dayang Hajah Intan Khairani binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya selaku Pengerusi Majlis.

Berangkat sama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Haji Abd Razak bin Haji Mohd Daud, diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim oleh para peserta khatam.

Majlis diserikan lagi dengan bacaan Takhtim daripada murid-murid Darjah IV dan V.

Manakala Doa Khatam dibacakan oleh salah seorang peserta khatam, Awang Muhammad Iqbal Irfan bin Hirman.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri juga

berkenaan mengurniakan sijil-sijil Khatam kepada para peserta khatam.

DYTM seterusnya berkenaan menerima pesambahan yang disembahkan oleh Guru Besar Sekolah Ugama ISB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Abd Razak.

Majlis Khatam Al-Quran diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid-murid membaca Al-Quran dengan tertil (betul dan lancar) sehingga dapat mengkhatamkan Al-Quran sebelum menamatkan Darjah VI persekolahan ugama.

Di samping untuk membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai amalan kebiasaan dalam rutin kehidupan sehari-hari, ia juga sebagai menyahut dan merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi ceklik Al-Quran.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei dan seterusnya bergambar ramai bersama para peserta khatam (atas sekali kanan dan atas).

Majlis Ibadah korban eratkan silaturahim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pengagihan daging korban kepada penerima pada majlis tersebut (kanan dan kiri).

>> Muka 1

Turut serta dalam kegiatan memucang-mucang tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan isteri, Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed selaku Ketua Kampung Putat; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri, Dayang Hajah Siti Norishan binti Haji

Abdul Gafor; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim dan isteri, Dayang Fairuz binti Haji Zolkipli; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim; dan Pemangku Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Tamam @ Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, para pegawai serta kakitangan di bawah KHEU.

Majlis diteruskan dengan pengagihan sebahagian daging ibadah korban kepada seramai 70 asnaf fakir miskin dan 66 asnaf mualaf daripada Mukim Pengkalan Batu.

Juga menerima agihan ialah peserta-peserta ibadah korban, ahli muzakarah kementerian, para jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa yang hadir di majlis berkenaan.

Pengagihan daging disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, diikuti oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, dan diteruskan oleh Setiausaha Tetap, KHEU dan

kemudian Pemangku-pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Saifullah dari Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh.

Di samping memeriahkan Majlis Ibadah Korban dan suasana hari raya Aidiladha yang merupakan salah satu hari kebesaran Islam, majlis itu juga bertujuan untuk melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia rezeki serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan warga KHEU dalam melaksanakan perkara berkebajikan.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Selain itu, ia merupakan satu peluang bagi warga KHEU untuk mengeratkan silaturahim dengan masyarakat Mukim Pengkalan Batu dan sekitarnya terutamanya para Asnaf Mualaf, Asnaf Fakir dan Miskin, serta Ahli Jawatankuasa Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh.

Majlis Ibadah Korban KHEU pada tahun ini diselenggarakan bersama oleh Bahagian Dasar dan Strategik; Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan; dan Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS di bawah KHEU.

PERBADANAN TAIB DAN ANAK-ANAK SYARIKAT SEMARAKKAN MAJLIS IBADAH KORBAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan agihan daging korban kepada penerima (atas kanan dan atas).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUTONG, Jumaat, 21 Jun. - Sebagai salah satu kegiatan keagamaan tahunan syarikat dan tanggungjawab sosial korporat, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) menganjurkan Majlis Pengagihan Daging-daging Korban sempena Hari Raya Aidiladha bertempat di Masjid Kampung Penapar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Pengurus Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan

TAIB, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong; dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Pemangku Pengarah IITHSB dan DHSB, Ketua Kampung Penapar dan Bukit Udal serta Ketua Kampung Tanjung Maya dan Lubuk Pulau; pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta jemaah masjid.

Acara kemuncak majlis adalah pengagihan daging-daging korban yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan Pengarah Urusan Perbadanan TAIB kepada 100 orang penerima daripada 27 keluarga asnaf fakir miskin yang tinggal di kawasan Kampung Penapar dan Bukit Udal.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Penapar, Awang Abdul Wafiy bin Haji Abd. Kadiroshman.

Pada tahun ini, sebanyak tiga ekor kerbau telah dikorbankan oleh Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB serta pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.

Manakala lapan ekor kerbau lagi telah disumbangkan oleh Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya sebagai sedekah.



SEKITAR Majlis Pengagihan Daging-daging Korban sempena Hari Raya Aidiladha bertempat di Masjid Kampung Penapar.

JPM adakan Majlis Ibadah Korban



Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Dewan Banket, Bangunan JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap,

Timbalan setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para jemputan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Takbir beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Erti Sebuah Pengorbanan dalam Islam' yang disampaikan oleh Penolong

Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi. Bacaan Selawat Tafririyah oleh pegawai dan kakitangan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) turut menyeriakan lagi acara majlis.

Seterusnya, majlis diikuti dengan

pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang

Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah kepada 48 orang penerima yang terpilih terdiri daripada kalangan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya

dan seramai 124 orang penerima dari golongan asnaf fakir miskin yang berdaftar di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Sebanyak empat ekor kerbau telah dikorbankan bagi majlis tersebut, yang mana ibadah korban ini adalah antara amalan-amalan sunat yang sangat dituntut (Sunat

Muakkadah) yang seterusnya dapat melahirkan rasa syukur terhadap nikmat hidup yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'alaa.

Di samping itu, ibadah ini juga dapat memupuk sikap pemeludian dan keprihatinan terhadap masyarakat sekali gus mengeratkan lagi tali persaudaraan sesama umat Islam.

Majlis Ibadah Korban ini merupakan antara acara keagamaan tahunan JPM yang mana pada kali ini ia dikelolakan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan kerjasama Jabatan Tenaga di JPM selaku pengendali bersama.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi semarakkan ibadah korban



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Md. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi petang tadi mengadakan Majlis Ibadah Korban bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormatialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi),

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Sebanyak sembilan ekor kerbau dikorbankan yang disertai oleh 63



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dan seterusnya mengagihkan daging-daging korban kepada salah seorang penerima (atas dan kiri).

peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga seterusnya mengagihkan daging-daging korban tersebut kepada penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin.

Majlis ini juga merupakan aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya, dan pada tahun ini dikendalikan oleh Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

KHEDN ADAKAN MAJLIS IBADAH KORBAN



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan agihan daging-daging korban kepada penerima (kiri dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, Pegawai Perkembangan Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang semasa menyampaikan tazkirah.



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, KHEDN, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, yang seterusnya menyampaikan agihan daging-daging korban kepada yang berhak menerimanya daripada kalangan warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang mana sejumlah seekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dan diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Kemanisan dalam Pengorbanan'

yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang, selaku penceramah jemputan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, dan kakitangan KHEDN serta jabatan-jabatan di bawahnya.



ZAHIR TANDA SYUKUR ATAS NIKMAT, LIMPAH KURNIA DIBERIKAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 19 Jun. - Seramai 15 peserta menyertai ibadah korban dengan menyembelih sebanyak tiga ekor kerbau pada Majlis Ibadah Korban Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban pada majlis tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan laungan takbir raya secara beramai-ramai oleh



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada penerima (atas kiri dan atas kanan). Sementara bawah kiri, antara yang hadir pada Majlis Ibadah Korban Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Kumpulan Takbir dari Jabatan Perikanan.

Acara turut diserikan dengan Ceramah Khas sempena Majlis Ibadah Korban bertajuk

'Kemanisan Dalam Pengorbanan' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin

Suferi.

Majlis kemudian disusuli dengan penyampaian daging korban oleh tetamu kehormat kepada 80 penerima yang terdiri daripada kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Ibadah korban yang dikelolakan oleh Jabatan Perikanan tersebut diadakan bagi menzahirkan tanda bersyukur atas segala nikmat dan limpah kurnia yang diberikan dengan membelaangkan harta dengan sebaik-baiknya ke jalan yang direndah oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, ia juga membantu dalam memupuk sikap tolong menolong terutama di antara sesama umat Islam sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab; serta Timbalan-

timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.



CERAMAH Khas sempena Majlis Ibadah Korban disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Suferi.



NBD berada dalam Monsun Barat Daya

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

>> Muka 1

Keadaan cuaca diramalkan aktif bagi beberapa hari yang akan datang mulai Khamis, 20 Jun 2024 sehingga pagi Ahad, 23 Jun 2024, dengan hujan lebat berangin kencang sekali-sekala dijangka menjelaskan kebanyakan kawasan negara.

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, di antara 1.0 meter (m) hingga 3.0m terutamanya di kawasan lepas pantai.

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram (Brunei Weather).



KEADAAN cuaca diramalkan aktif bagi beberapa hari yang akan datang mulai Khamis, 20 Jun 2024 hingga pagi Ahad, 23 Jun 2024, dengan hujan lebat berangin kencang sekali-sekala dijangka menjelaskan kebanyakan kawasan negara.

Majlis Ibadah Korban terus diimarahkan



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Ibadah Korban kementerian berkenaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Rimba III, hari ini.

Majlis anjuran bersama Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet dan Jabatan Pendidikan Swasta mengorbankan sebanyak tujuh ekor kerbau hasil daripada penyertaan 49 pegawai dan kakitangan serta keluarga Kementerian Pendidikan.

Seramai 92 orang penerima daging ibadah korban yang terdiri

daripada penuntut-penuntut dari Sekolah Rendah Rimba I, Sekolah Rendah Rimba II dan Sekolah Rendah Rimba III.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seria Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II dari Sekolah Rendah Rimba III, Awang Mohammad bin Haji Tahir.

Majlis turut diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Kelebihan Bulan Zulhijah' yang disampaikan

YANG Behormat Menteri Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan agihan daging-daging korban kepada penerima (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara penuntut-penuntut yang menerima daging korban.

oleh Pensyarah Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda.

Majlis disusuli dengan pengagihan daging-daging ibadah korban kepada para penerima afdal dan para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat. Selawat Badriyah secara beramai-ramai yang dibacakan pelajar-pelajar Sekolah Rendah Rimba III mengimarahkan lagi acara itu dan diikuti dengan bacaan doa selamat.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam.

Adapun majlis juga bertujuan untuk memberi peluang kepada warga Kementerian Pendidikan untuk beramal dan bersedekah kepada golongan yang memerlukan sebagai tanda taat dan bersyukur di atas nikmat kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



IBADAH KORBAN TANDA KESYUKURAN ATAS SEGALA NIKMAT

YANG Behormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan agihan daging-daging korban kepada penerima (kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Agama Islam menggalakkan umatnya untuk melakukan ibadah korban terutamanya bagi yang berkemampuan kerana ia mempunyai pelbagai kelebihan jika dihayati maksud yang tersirat di dalamnya. Pelaksanaan ibadah korban adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai tanda kesyukuran di atas segala nikmat kurnia-Nya.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Ketua Guru Ugama, Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar selaku penceramah undangan dalam Ceramah Khas beliau bertajuk 'ibadah Korban Menurut Perspektif Islam' pada Majlis Ibadah Korban Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, hari ini.

Menurut beliau lagi, daging korban adalah eksklusif untuk orang Islam sahaja dan tidak boleh diagihkan kepada orang yang bukan beragama Islam.

Majlis yang dikelolakan oleh Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan



Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Negara Brunei Darussalam (MPABD) itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Takbir Hari Raya Aidiladha yang dipimpin oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Awang Haji Mohd. Zahid bin Haji Mohd. Zain.

Hadir bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seria Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Pada tahun ini, sebanyak lima ekor kerbau telah dikorbankan dan diagihkan kepada 127 orang penerima yang terdiri daripada golongan asnaf di bawah tаддан Kawasan Mukim Berakas 'A' dan 'B',

Daerah Brunei dan Muara, anak-anak yatim dan warga MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



PUPUK KEMAHIRAN PENDIDIK LAKSANA TRANSFORMASI PERUBAHAN HOLISTIK



>> Muka 1

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa berucap pada Majlis Perasmian Seminar Pakar Pendidikan Ke-4 bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam, hari ini.

Pembangunan amalan pemilihan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa berucap pada Majlis Perasmian Seminar Pakar Pendidikan Ke-4.

latihan pengajaran di Negara Brunei Darussalam ujar Yang Berhormat, adalah bukti komitmen yang teguh negara terhadap kecemerlangan pendidikan dan inovasi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, perjalanan bermula dengan penubuhan Projek Pemilihan Literasi dan Numerasi (LNCP), usaha bersama antara Kementerian Pendidikan dan Education Development Trust (CfBT Brunei) dari Ogos 2016 hingga Julai 2019.

LNCP terang Yang Berhormat, kini sepenuhnya dikelola oleh Pasukan Teras LNCP Kementerian Pendidikan. Melalui inisiatif ini, capaian penting telah diraih,

termasuk penubuhan Rangka Kerja Kompetensi Pengajaran untuk Kepakaran (TfM) dan pensijilan lapan Pengajar Utama di BDLTA untuk menjalankan Program Latihan Pemilihan. Selain itu, 15 pemimpin sistemik telah dilatih dan disijilkan untuk meletakkan asas kukuh bagi pertumbuhan dan pembangunan yang mampan.

Sehingga November 2023 ujar Yang Berhormat, program ini telah mencapai kejayaan yang membanggakan dengan lapan pengajar utama, 16 jurulatih kanan, 164 jurulatih, 127 jurulatih pelatih dan 655 rakan pembelajaran.

"Objektif seminar tahun ini menjadi hala tuju kami, satu hala tuju yang membimbing kami dalam memupuk budaya pemilihan yang penuh empati, bekerjasama dan usaha berterusan dalam pertumbuhan.

"Kami berusaha untuk memupuk kemahiran dan kebolehan yang akan memperkasa pendidik kami untuk melaksanakan perubahan transformasi holistik,

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mengukuhkan amalan pendidikan melalui penyelidikan dan data serta menggunakan teknologi untuk meningkatkan pemilihan dan menangani cabarannya dengan cekap.

"Pemilihan latihan telah terbukti sebagai alat yang kuat untuk pembangunan pendidik dan peningkatan prestasi pelajar. Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada Profesor Ng atas kesediaannya untuk mengadakan Masterclass tentang 'Collaborative strategies to Embed and Sustain Coaching Practices in School'.

"Kebolehan dan panduannya tanpa ragu akan memberikan pandangan yang berharga yang akan membantu kita dalam perjalanan membenamkan amalan pemilihan di sekolah-sekolah kita," ujar Yang Berhormat.

Jurulatih pemilihan tambah Yang Berhormat lagi, memainkan

peranan penting dalam sekolah-sekolah kita sebagai pemangkin perubahan, membimbing pendidik untuk merangkul amalan pengajaran inovatif yang tidak hanya menyampaikan pengetahuan tetapi juga memupuk kemahiran Abad Ke-21 yang penting.

Pendidik kata Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi, berperanan sebagai mentor dan pembimbing, memperkasa pendidik untuk menyampaikan pengajaran yang dipersonalisasi bagi memenuhi keperluan pelbagai pelajar.

Namun, hanya dengan arahan strategik dan sokongan daripada pemimpin sekolah, jurulatih pemilihan akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk kejayaan dalam memperjuangkan pendidikan berkualiti yang saksama. Ini adalah sinergi antara jurulatih pemilihan dan pemimpin sekolah yang mendorong sekolah kita ke arah kecemerlangan.

Memperkasa pemimpin menyepadukan kaedah bimbingan secara strategik

TUNGKU LINK, Rabu, 19 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik mengadakan Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 selama dua hari bermula hari ini hingga 20 Jun 2024 bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan membawakan tema 'Contemporary Specialisation in Educational Practices towards Education Excellence'. Manakala sub-tema seminar pada tahun ini ialah 'Effective Instructional Coaching towards Education Excellence'.

Seramai lebih kurang 400 peserta terdiri daripada pemimpin sekolah, pakar pendidikan, calon pakar pendidikan, pembimbing di sekolah-sekolah kerajaan di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pensyarah-pensyarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), UBD dan pegawai-pegawai dari jabatan di bawah Kementerian Pendidikan menghadiri seminar berkenaan

pada tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan seminar ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat serta diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah yang juga selaku Pengurus Jawatankuasa Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 Tahun 2024.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi ucaptama bertajuk 'What is Teaching Excellence? How can Coaching Help Achieve This?' disampaikan oleh Policy, Curriculum and Leadership Academic Group, National Institute of Education (NIE), Republik Singapura, Profesor Madya Dr. Ng Pak Tee dan diikuti dengan Sesi Learning Circle oleh penyampai

ucaptama yang dimudah cara oleh Calon Pakar Bimbingan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Nurul Hazirah Aleyana binti Haji Mohd. Zain.

Sementara itu, sesi sebelah petang hari ini diteruskan dengan Sesi Bengkel Masterclass yang dimudah cara oleh Penyampai Ucaptama bertajuk 'Collaborative Strategies to Embed and Sustain Coaching Practices in School'. Acara pada sesi petang juga diisikan dengan sesi bengkel dan plenari secara selari.

Bengkel Roundtable Validation of 360 Diagnostic Tool dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengurusan Pendidik, Dayang Hajah Rosinah binti Haji Sabli dan Dr. Siti Noor Naasirah binti Abdullah Teo kepada calon pakar pendidikan. Manakala sesi plenari bersama Pemimpin Sekolah telah disampaikan oleh Dayang Limawati binti Galawat, Dayang Sia Ai Chin dan Dayang Salihah binti Haji Tinggal.

Majlis Seminar Pakar Pendidikan akan bersambung pada hari kedua dengan empat buah tajuk bengkel yang akan disampaikan secara selari oleh Calon Pakar Pendidikan dan Bengkel Enhancing Coaching Conversations with Neuro Linguistic Programming (NLP) and Emotional Intelligence (EI) yang disampaikan oleh Ketua Unit Kepakaran, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Awang Chong Yun Onn kepada para peserta seminar.

Antara objektif Seminar Pakar Pendidikan pada tahun ini ialah bagi memupuk kaedah bimbingan pengajaran dalam meningkatkan amalan pengajaran yang boleh menangani kepelbagaiannya keperluan pelajar di dalam kelas, menanai kemahiran dan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Seminar Pakar Pendidikan Ke-4 (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

kecekapan yang penting untuk praktikal, dengan memfokuskan kepada pemanfaatan teknologi untuk meningkatkan kaedah bimbingan serta menangani cabaran dan permasalahan di samping memperkasa pemimpin untuk menyepadukan kaedah bimbingan secara strategik dan mewujudkan budaya bimbingan yang mampan di sekolah-sekolah.



PENGARAH Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengurus Jawatankuasa menyampaikan ucapan alu-aluan (kanan). Manakala gambar kiri, sesi ucaptama disampaikan oleh Policy, Curriculum and Leadership Academic Group, National Institute of Education (NIE), Republik Singapura, Profesor Madya Dr. Ng Pak Tee.

Kongsi kegembiraan bersama golongan kurang berkemampuan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima pada Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya (atas dan atas kiri). Sementara gambar kiri, sekitar majlis berkenaan.

sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai 177 orang terdiri daripada penghuni Pusat Penempatan Sementara (PPS) dari Jabatan Pembangunan Masyarakat

(JAPEM), anak-anak yatim dan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima daging-daging korban berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Guru Ugama Terlatih, Kompleks Rumah Kebajikan, JAPEM Awang Abd Hassan bin Angkis.

Acara turut diserikan dengan Selawat Tafriyyah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan penyempurnaan pengagihan daging korban oleh tetamu kehormat majlis,

serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS.

Majlis ini merupakan aktiviti / program tahunan yang diungkayahkan oleh Badan Kebajikan dan Keugamaan, KKBS bagi menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam, disamping mengongsikan kegembiraan bersama golongan-golongan yang kurang berkemampuan.

Majlis seumpama ini juga diadakan bagi mengeratkan ikatan ukhuwah dan tali silaturahim dalam kalangan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Sebanyak empat ekor kerbau telah dikorbankan tahun ini pada Majlis Ibadah Korban

bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di

KEMENTERIAN KESIHATAN KORBAN 3 EKOR KERBAU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima pada Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, Ceramah Ibadah Korban dan Keistimewaannya disampaikan oleh Pegawai Agama, Jabatanrahar Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT ABDB), Awang Mohammad Fahmi bin Haji Matnor.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Ibadah korban merupakan ibadah yang sangat istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan dalam agama Islam.

Hal ini kerana, ibadah korban adalah salah satu ibadah yang tertua di atas muka bumi ini dari zaman Nabi Adam Alaihi Wasallam.

Perkara tersebut adalah antara yang digariskan dalam Ceramah Ibadah Korban dan Keistimewaannya yang disampaikan oleh Pegawai Agama, Jabatanrahar Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT

ABDB), Awang Mohammad Fahmi bin Haji Matnor pada Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini,

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pemangku Menteri Kesihatan

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha

oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Ahmad Syuja'ee bin Begawan Mudim Haji Matassim dan diteruskan dengan Ceramah Ibadah Korban dan Keistimewaannya.

Pada tahun ini, sebanyak tiga ekor kerbau dikorbankan dan diagih-agihkan kepada lebih kurang 199 penerima, yang terdiri daripada kakitangan Bahagian V Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya di semua daerah.

Pembahagian dan pengagihan daging-daging korban telah disampaikan oleh Yang Berhormat

Pemangku Menteri Kesihatan; Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan.

Majlis tersebut diadakan oleh Kementerian Kesihatan dengan anjuran bersama Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Pusat Promosi Kesihatan dan Bahagian Pengurusan Estet dan Perkembangan Projek, Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha

Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



262 ASNAT TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN



YANG Berhormat Mufti Kerajaan dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM juga selaku Timbalan Pengerusi RB semasa hadir pada Majlis Ibadah Korban 1445 Hijrah anjuran bersama Jabatan Mufti Kerajaan dan RB (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Seramai 262 orang asnaf daripada Mukim Kota Batu, Mukim Kianggeh dan Mukim Tamoi terpilih menerima daging korban bagi Majlis Ibadah Korban 1445 Hijrah anjuran bersama Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Daging-daging korban tersebut diagihkan kepada 100 ketua keluarga dan wakil penerima pada majlis yang berlangsung di Ruang Legar, Bangunan Darulifta', JMK, Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Pengagihan daging-daging korban disempurnakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin

Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku tetamu kehormat dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos yang juga selaku Timbalan Pengerusi RB.

Juga hadir, Timbalan Mufti, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Yussof; Penolong Mufti ('Ifa), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabrin bin Haji Abd. Hamid; Pemangku

Ketua Pegawai Operasi selaku Penggerusi Badan Kebajikan RB, Awang Haji Badarudin bin Bagol; pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari kedua-dua institusi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh Pegawai Buhuth, Pengiran Wafiuiddin bin Pengiran Haji Zulkarnain diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman yang juga selaku Penggerusi Bersama Majlis.

Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK dalam ucapannya menjelaskan, pada tahun ini sebanyak 10 ekor haiwan korban telah pun disembelih



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

untuk dijadikan ibadah korban bagi warga JMK dan RB, iaitu enam ekor sapi dan empat ekor kerbau. Beliau menjelaskan, setiap tahun tatkala tibanya Hari Raya Aidiladha, dapat kita lihat dan rasai kemeriahannya dengan pelbagai aktiviti keagamaan diungkayahkan khususnya ibadah korban.

"Amatlah disyukuri, keadaan atau suasana ini memberikan gambaran jelas bahawa kesedaran beragama masyarakat kita di negara ini amat subur dan terus berkembang," ujarnya.

Menurutnya lagi, Majlis Ibadah Korban merupakan acara keagamaan tahunan di mana kesepakatan dan kerjasama JMK dan RB telah pun terjalin sejak 1999 dan kini sudah mencapai lebih kurang 25 tahun.

Beliau menambah, jalinan kerjasama itu telah memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan JMK dan RB serta keluarga masing-masing melaksanakan ibadah korban serta berharap usaha sama yang baik itu akan terus kukuh pada masa akan datang.

Ibadah korban tanda kesyukuran kepada Allah



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan agihan daging korban kepada penerima (kanan dan kiri).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Ibadah korban merupakan ibadah sunat yang dituntut bagi meraikan Aidiladha dan ia mengandungi banyak hikmah antaranya sebagai satu tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas nikmatnya, selain sebagai kafarah (penutup) dosa-dosa.

Justeru, Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah-mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Haji Kaharudin bin Mohd. Ali. Majlis turut disemarakkan dengan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pendaftar Mahkamah Kadi, Awang Mohammad Khairul Harith bin Hamidoon.

Sebanyak dua ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini dengan penyertaan daripada pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah, pegawai dari Jabatan

Kehakiman Negara serta keluarga.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada 20 ketua keluarga yang terdiri daripada kalangan penerima-penerima yang terpilih dari kawasan Mukim Gadong, Mukim Lumapas, Mukim Sungai Kebun dan Mukim Kota Batu. Pengagihan juga turut diagihkan kepada seluruh kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Majlis yang diungkayahkan merupakan acara tahunan yang berperanan sebagai wadah untuk para pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah serta keluarga dalam sama-sama melakukan ibadah korban yang sangat dituntut di samping menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidiladha.



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah.

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Pejabat Peguam Negara mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah di Bangunan Undang-undang dan Mahkamah-mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib. Turut hadir, Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi dan pegawai serta kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Takbir dipimpin oleh Penasihat Undang-undang, Awang Muhd. Adi Faisal bin Haji Omar dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Penasihat Undang-undang, Pejabat Peguam Negara, Awang Haji Shufi bin Haji Ibrahim.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan pejabat berkenaan yang bertujuan selain meraikan Hari Raya Aidiladha juga bagi mengeratkan hubungan silaturahim sesama pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

30 ASNAF TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD hadir menyempurnakan pengagihan daging-daging korban (kanan, atas dan bawah kanan).

MADANG, Khamis, 20 Jun. - Ibadah korban merupakan ibadah sunat yang ditutut dalam Islam dan ia mengandungi banyak hikmah antaranya sebagai satu tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat-Nya.

Bagi meraih keberkatan ibadah tersebut, Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis / Madang pada tahun ini tidak melepaskan peluang untuk turut sama menyemarakkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha dan diseluruh dengan pengagihan daging-daging korban kepada asraf bertempat di ruang lobi

masjid berkenaan.

Hadir menyempurnakan pengagihan daging-daging korban tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos yang juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD.

Seramai 30 orang asraf dari kawasan Kampung Manggis / Madang menerima agihan daging korban pada majlis tersebut.

Sementara itu, pengagihan daging-daging korban juga diagihkan secara pandu lalu, yang mana penyampaiannya bersama oleh



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas, Dato Paduka Awang Haji Said bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim, Dato Paduka Haji Junaidi bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim selaku Penasihat-penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid; Pemangku Ketua Kampung Manggis Satu dan Dua, Awang Omar bin Haji Mohd Alli serta ahli-jawatankuasa lainnya.

Sebanyak sembilan ekor kerbau telah dikorbankan untuk majlis tahun ini.



Kementerian Pertahanan terima Lawatan Rasmi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KEMENTERIAN Pertahanan menerima Lawatan Rasmi daripada Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Nonpackdee yang mengadakan lawatan ke NBD bermula 19 hingga 21 Jun (kanan dan atas).

BOLKIAH GARISON, Khamis, 20 Jun. - Kementerian Pertahanan menerima Lawatan Rasmi daripada Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Nonpackdee yang mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam bermula 19 hingga 21 Jun, hari ini.

Sejurus tiba di Bolkiah Garison,

Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Nonpackdee disambut oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan menerima Tabik Hormat dari Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei.



Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Nonpackdee kemudian mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Semasa perjumpaan tersebut kedua-dua belah pihak

menekankan dan menghargai hubungan pertahanan dua hala yang kukuh dan telah lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand serta bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan geopolitik yang mempunyai kepentingan bersama.

Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja

Thailand kemudiannya mengadakan perjumpaan bersama Pemerintah ABDB, di mana kedua-dua pemimpin tentera ini menggariskan kepentingan hubungan kerja yang kukuh dalam memastikan kestabilan dan keselamatan serantau, yang mencerminkan komitmen kedua-dua ABDB dan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand.

MAJLIS IBADAH KORBAN TERUS GIAT DIUNGKAYAHKAN

Siaran Akbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 19 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) turut mengungkayahkan Majlis Ibadah Korban PPDB yang berlangsung di Surau Polis Gadong, PPDB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging korban pada majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hamzali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, para Pengarah dan Timbalan Pengarah jabatan, ketua-ketua formasi, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai kanan serta anggota dan warga kakitangan awam PPDB.



PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging korban pada Majlis Ibadah Korban PPDB yang berlangsung di Surau Polis Gadong, PPDB (kiri dan kanan).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu

Bakar dan kemudiannya diteruskan dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat kepada para penerima. Majlis tersebut diakhiri dengan bacaan

Doa Selamat.

Pada tahun ini, seramai 17 peserta menyertai ibadah korban yang melibatkan sebanyak dua ekor sapi dan tiga ekor kambing telah

dikorbankan. Sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut telah diagihkan kepada 53 orang asnaf di bawah Mukim Gadong 'A' dan Berakas 'B'.

Amalan bergotong-royong kukuhkan ukhuwah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Ihsan Majlis Perundingan Kampung Putat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Ketua Kampung Putat semasa menyampaikan pengagihan daging korban kepada penerima (atas kiri). Sementara gambar atas, sekitar Majlis Ibadah Korban Sekampung.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Amalan bergotong-royong atau memucang-mucang dapat membina jambatan (kasih dan sayang) antara dua golongan berkemampuan dan kurang mampu menerusi adanya majlis berkebajikan antaranya Majlis Ibadah Korban Sekampung.

Selain itu, dengan adanya majlis seumpama itu sekali gus melatih dan membentuk diri menjadi insan yang sedia berbakti dan suka menghulurkan bantuan sesama saudara sendiri.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed menyatakan demikian semasa ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Ibadah Korban anjuran bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Putat dan Majlis Perundingan Kampung

Putat bertempat di masjid kampung berkenaan.

Yang Berhormat yang juga selaku Ketua Kampung Putat menjelaskan bahawa majlis yang diungkayahkan secara kolaborasi ini setentunya dapat lagi merapatkan silaturahim dan mengukuhkan ukhuwah di antara sesama penduduk kampung terutama sekali dengan cabaran masa kini seperti kesibukan urusan harian dan sebagainya.

Aktiviti kemasyarakatan seperti ini wajar diperlakukan dan melibatkan generasi muda sekarang kerana secara tidak langsung ia adalah satu proses pembelajaran agar ia akan terus diamalkan dan terus menjadi tradisi di masa akan datang.

Di samping itu, katanya, aktiviti gotong-royong atau memucang-mucang juga

dapat mempercepatkan dan mempermudahkan kelancaran kerja dalam satu majlis dan dengan adanya perpaduan yang terbentuk, semua kerja yang sukar dan berat akan menjadi senang.

Semangat memucang-mucang ini tambahnya, ibarat bak kata pepatah Melayu 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Oleh yang demikian, amalan memucang-mucang perlu dipupuk dan ditanam dalam hati sejak dari kecil lagi iaitu bermula dari rumah agar mereka tahu akan peranan dan nilai-nilai unik di dalam masyarakat kita.

Majlis kali ini mengorbankan sebanyak tujuh ekor kerbau dan daging-daging korban tersebut seterusnya diagihkan kepada lebih 100 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan kurang berkemampuan dari penduduk kampung dan sekitarnya.

RAIH PAHALA, BERKAT IBADAH KORBAN



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada para peserta ibadah korban yang diadakan di Masjid Kampung Kilanas (kiri dan atas).

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

KILANAS, Khamis, 20 Jun. - Sebanyak enam ekor kerbau dikorbankan pada tahun ini hasil dari 32 peserta ibadah korban yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid (AJKT) Kampung Kilanas, jemaah masjid dan penduduk kampung.

Daging-daging korban diagih-

agikan kepada para peserta ibadah korban, golongan asnaf di sekitar Kampung Kilanas dan juga orang ramai yang hadir.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada para peserta ibadah korban yang diadakan di Masjid Kampung Kilanas ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Majlis ini merupakan anjuran AJKT Kampung Kilanas bersempena Hari Raya Aidiladha 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Acara ini juga diungkayahkan dengan kerjasama dan kesepakatan Ahli Jawatankuasa Pandu / Kerja Majlis Ibadah Korban

pada tahun ini.

Dengan adanya majlis ibadah korban ini, ia dapat menggalakkan penduduk kampung dan jemaah Masjid Kilanas untuk mengerjakan ibadah sunat korban sebagaimana yang dianjurkan dalam agama Islam bagi meraih pahala dan berkat yang terdapat di dalamnya.

Bahkan, majlis yang merupakan aktiviti tahunan AJKT Kampung

Kilanas ini bertujuan untuk membantu dan memudahkan penduduk kampung bagi melaksanakan ibadah korban dengan lebih sempurna.

Pada masa yang sama, majlis seumpama ini dapat memupuk semangat kerjasama, di samping merapatkan tali silaturahim antara penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.

Ibadah korban zahir kesyukuran kepada Allah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) juga tidak ketinggalan mengimarahkan bulan Zulhijah dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha dan diselajurkan Majlis Ibadah Korban sebagai menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memperingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Sebanyak dua ekor kerbau dikorbankan dan sebahagiannya diagihkan kepada 25 pelajar dan warga KUPU SB.

Penyampaian daging korban yang diadakan di Dewan Tarbiah, KUPU SB itu disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor

Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Antara tujuan penganjuran majlis yang dikelolakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan KUPU SB ialah untuk memperdekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan ibadah korban.

Di samping itu, ia diharap dapat menanamkan amalan bersedekah terhadap golongan yang memerlukan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KUPU SB terhadap kerja bergotong-royong seterusnya memberikan peluang kepada warga KUPU SB untuk mengikuti ibadah korban khususnya di dalam kampus.



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha dan diselajurkan Majlis Ibadah Korban.

PENTING



سورو هنجاي قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



Laman-Uncra > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

Status
TIDAK DIPERAKUKN

BARU

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemas kin pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

PERHATIAN!

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

PERHATIAN!

Dengan ini saya mengemaskini latar belakang saya di dalam PSCR2.0 agar selalu lengkap, betul dan teratur. Saya menghadapkan permohonan bagi jawatan yang pertama yang ada pada maklumat ini.

Saya memohon maaf jika maklumat PSCR2.0 saya adalah tidak lengkap, betul dan teratur. Saya menghadapkan permohonan saya tidak mempunyai kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan saya tidak akan diproses.

PERHATIAN! Sila pastikan anda telah memuatnaik PROFIL anda lengkap, bersih dan teratur. Jika anda memuatnaik PROFIL anda tidak lengkap, bersih dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang pertama yang ada pada maklumat ini.

POLOK PENGETAHUAN SEBELUM MENGHADAPKAN PERMOHONAN



TERUS MENGIMARAHKAN MAJLIS IBADAH KORBAN

SUNGAI HANCHING, Khamis, 20 Jun. - Lima ekor sapi dikorbankan pada Majlis Ibadah Korban anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching yang

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sungai Hanching

diadakan di pekarangan masjid berkenaan.

Hadir bagi menyempurnakan pengagihan daging korban disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Seramai 250 peserta korban dan

juga penduduk sekitar Kampung Sungai Hanching telah menerima daging korban tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diikuti dengan pengagihan daging korban dan majlis diakhiri dengan sesi menikmati jamuan.

Prestasi jualan runcit catat peningkatan

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Jualan runcit Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Suku Tahun Pertama (Q1) 2024 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus berbanding Q1 2023, dengan hasil jualan meningkat daripada BND434.7 juta kepada BND447.6 juta.

Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan

perkembangan yang positif sebanyak 5.9 peratus berbanding Q1 2023, yang menunjukkan peningkatan permintaan domestik.

Sementara itu, peningkatan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh peningkatan jualan peralatan perabot dan rumah

sebanyak 15.4 peratus, diikuti dengan jualan peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus sebanyak 15.3 peratus; jualan perkakasan, cat dan kaca di kedai khusus sebanyak 10.2 peratus; jualan di stesen minyak sebanyak 4.1 peratus; dan jualan di gedung serbaneka sebanyak 2.9 peratus.

Banding dengan Suku Tahun Keempat (Q4) 2023, nilai dan volum jualan runcit pada Q1 2024 juga telah mencatatkan peningkatan.

Perkara ini dimaklumkan dalam Siaran Akhbar oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan dan Minuman Suku Tahun Pertama 2024 bagi NBD.

Dalam Siaran Akhbar tersebut turut menjelaskan nilai jualan runcit telah meningkat sebanyak 0.8 peratus didorong terutamanya oleh peningkatan jualan tekstil, pakaian dan kasut sebanyak 22.8 peratus, diikuti dengan jualan peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus sebanyak 13.0 peratus; jualan di gedung serbaneka sebanyak 5.9 peratus; jualan di stesen minyak sebanyak 3.4 peratus; dan jualan di pasar raya sebanyak 2.2 peratus.

Bagi prestasi jualan perkhidmatan makanan dan minuman, ia telah menurun sebanyak 2.2 peratus

berbanding Q1 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND110.1 juta kepada BND107.7 juta.

Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.8 peratus berbanding Q1 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik. Penurunan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Restoran sebanyak 4.6 peratus; dan Kedai Makanan Segera sebanyak 3.4 peratus.

Banding dengan Q4 2023, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman pada Q1 2024 telah mencatatkan penurunan.

Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah menurun sebanyak 4.8 peratus pada Q1 2024 yang didorong oleh penurunan hasil jualan bagi aktiviti perkhidmatan katering sebanyak 9.4 peratus; restoran sebanyak 5.4 peratus; kedai makanan segera sebanyak 4.0 peratus; dan aktiviti lain-lain perkhidmatan makanan sebanyak 1.3 peratus.

Indeks jualan runcit dan indeks perkhidmatan makanan dan minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di NBD bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES : <https://deps.mofe.gov.bn>.

RETAIL SALES INDEX

FIRST QUARTER (Q1) 2024

Year-on-Year
Jan-Mar 2024 | Jan-Mar 2023

Quarter-on-Quarter
Jan-Mar 2024 | Oct-Dec 2023

▲ 3.0%

VALUE CHANGE

▲ 0.8%

Furniture and Household Equipment	▲ 15.4%	Textiles, Wearing Apparel and Footwear	▲ 22.8%
Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▲ 15.3%	Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▲ 13.0%
Hardware, Paints and Glass in specialized stores	▲ 10.2%	Department Store	▲ 5.9%
Petrol Station	▲ 4.1%	Petrol Station	▲ 3.4%
Department Store	▲ 2.9%	Supermarket	▲ 2.2%
▲ 5.9% VOLUME CHANGE		▲ 3.1%	
Textiles, Wearing Apparel and Footwear	▲ 22.9%	Textiles, Wearing Apparel and Footwear	▲ 32.7%
Furniture and Household Equipment	▲ 19.7%	Furniture and Household Equipment	▲ 15.4%
Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▲ 17.0%	Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▲ 14.3%
Hardware, Paints and Glass in specialized stores	▲ 10.8%	Department Store	▲ 10.9%
Department Store	▲ 9.7%		

VALUE OF SALES: BND 447.6 MILLION

FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX

FIRST QUARTER (Q1) 2024

Year-on-Year
Jan-Mar 2024 | Jan-Mar 2023

Quarter-on-Quarter
Jan-Mar 2024 | Oct-Dec 2023

▼ -2.2%

VALUE CHANGE

▼ -4.8%

Restaurants	▼ -4.6%	Catering Service Activities	▼ -9.4%
Fast-food Outlets	▼ -3.4%	Restaurants	▼ -5.4%
		Fast-food Outlets	▼ -4.0%
		Other Food Service Activities	▼ -1.3%
▼ -2.8% VOLUME CHANGE		▼ -5.0%	
Restaurants	▼ -5.2%	Catering Service Activities	▼ -9.6%
Fast-food Outlets	▼ -4.0%	Restaurants	▼ -5.6%
		Fast-food Outlets	▼ -4.2%
		Other Food Service Activities	▼ -1.5%

VALUE OF SALES: BND 107.7 MILLION

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

دعا ممohen كثد الله سقايي قرسلامة

درقد بلاء دان سكل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ آسِمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ آسِمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّ بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُونَتِ
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرْصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَهِيْعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِيهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَأْذِنُهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يعْ مباوا اکبر او نتو عن ساعت بسر کقد قع عملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah tidak lama lagi jemaah haji negara kita Brunei Darussalam akan kembali dari Tanah Suci Mekah Al-Mukarramah. Pada lazimnya, kaum keluarga dan sanak saudara mereka akan bersiap sedia mengalui alunan kepulangan mereka dengan penuh rasa syukur dan gembira. Berdasarkan sunnah, kepulangan

Menyambut ketibaan Dhuyufurrahman

jemaah haji ke tanah air adalah saat yang boleh disebut istimewa.

Oleh yang demikian, ketika kita membuat persediaan menyambut ketibaan Dhuyufurrahman itu, sama-sama kita beringat-ingat supaya sambutan yang diadakan itu hendaklah bersesuaian dan tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam. Dalam agama kita ada diajarkan adab-adab ketika menyambut kepulangan jemaah haji, antaranya :

Pertama : Disunatkan bagi jemaah haji yang pulang ke tanah air untuk singgah ke masjid yang paling dekat dengan rumahnya bagi mendirikan sembahyang sunat terlebih dahulu sebelum menjakkan kaki ke rumah. "Daripada Ka'ab bin Malik Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak akan pulang dari pelayaran Baginda kecuali pada waktu siang semasa waktu Duha. Maka apabila Baginda pulang (dari pelayaran Baginda), mula-mula sekali Baginda akan pergi ke masjid lalu mengerjakan sembahyang dua rakaat di sana. Kemudian Baginda akan duduk di dalamnya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Kedua : Kita disunatkan untuk bersalamam, berjabat tangan dan berpelukan sebelum jemaah haji memasuki rumah, sambil mengucapkan :

Maksudnya : "Semoga Allah menerima ibadah hajimu dan mengampunkan dosamu serta mengantikan perbelanjaanmu".

Perlu diingat, bahawa dalam bersalamam dan berpelukan hendaklah antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan sahaja. Walaupun antara lelaki dan perempuan tersebut ada hubungan mahram kerana adalah tidak manis dan

tidak elok ia dilakukan di khalayak ramai dan dikuatir akan menimbulkan fitnah.

Ketiga : Jangan memasuki rumah dari bahagian belakang rumah tetapi hendaklah memasukinya dari pintu masuk bahagian hadapan rumah tersebut. Ia berdasarkan ayat 189 dari Surah Al-Baqarah, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

Tafsirnya : "Mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah : "(Bahawa peredaran) anak-anak bulan itu adalah untuk menandakan waktu-waktu bagi (urusan dan amalan) manusia dan ibadah haji". Dan bukanlah satu kebaikan, kamu memasuki rumah-rumah dari bahagian belakangnya tetapi kebaikan itu ialah (perbuatan) orang yang bertakwa dan kamu masuklah ke rumah-rumah (kamu) melalui pintunya. Dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh kemenangan".

Keempat : Apabila hendak masuk ke dalam rumah, jemaah haji adalah disunatkan membaca doa :

Erinya : "Kurniakanlah taubat, kurniakanlah taubat, hanya kepada Tuhan kami tempat kami kembali, kembali tanpa meninggalkan sebarang dosa".

Selain itu, bagi mereka yang menyambut ketibaan Dhuyuffurrahman seeloknya meminta kepada mereka yang baru pulang dari menunaikan ibadah haji itu untuk mendoakannya kerana doa jemaah haji itu dinilai istimewa kerana menerima pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ini sebagaimana hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam :

Erinya : "Ya Allah, ampunilah dosa orang yang mengerjakan ibadah haji dan dosa sesiapa sahaja yang dipohonkan

keampunan oleh orang yang mengerjakan ibadah haji".

Kelima : Adalah elok bagi keluarga dan saudara-mara jemaah haji itu menyediakan walimah atau kenduri secara sederhana bagi meraikan dan menyambut keluarga mereka yang baru sahaja pulang dari mengerjakan ibadah haji dengan mengikut kemampuan masing-masing sebagai tanda syukur.

Dengan ketibaan kaum keluarga atau saudara-mara yang telah menunaikan ibadah haji, mudah-mudahan kita dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan, di samping melahirkan rasa penuh syukur kerana dapat menyambut mereka mengikut apa yang diajarkan oleh agama Islam dan menjauhi segala perkara yang bertentangan dengan akidah.

Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga jemaah haji khasnya jemaah haji Negara Brunei Darussalam kembali ke tanah air dengan selamat dan mendapat haji yang mabruk iaitu haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Maka apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah haji hendaklah kamu berzikir mengingati Allah sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut bapa-bapa (dan datuk nenek) kamu bahkan berzikirlah lebih daripada itu. Dalam pada itu ada antara manusia yang (berdoa hanya dengan berkata : "Ya Tuhan kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia". (Orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat". (Surah Al-Baqarah, ayat 200)

Membaca Al-Quran bentuk kekuahan hubungan

Berita dan Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar

MUKIM MENTIRI, Jumaat, 21 Jun. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid dan Ahli-ahli Jemaah Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di masjid berkenaan, pagi ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim yang bermula daripada Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamim yang juga mengepalai bacaan Takhtim.

Sementara itu, bacaan Doa Tahlii dan Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit melahirkan rasa syukur dengan keberkatan membaca Al-Quran telah membentuk kekuahan hubungan antara jemaah di masjid berkenaan.

"Membaca Al-Quran menjadi kewajipan untuk kitani mendekatkan diri kepada Allah dan ibadah itu juga membentuk rohani dan memperkuatkan keimanan kita," jelasnya yang juga selaku Penasihat I Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.

Juga hadir pada majlis tersebut, Penasihat II AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Haji Mohidin Pengarah Haji Awang Othman.



AHLI Jawatankuasa (AJK) Masjid dan Ahli-ahli Jemaah Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Sungai Besar semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2024
- 'Bersama Memupuk Pembangunan Mampan'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2024
- 'Jangan Ambil Mudah Isu Pergaulan Bebas'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyeritaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



PenggunaBijak Smart



Available on the App Store | Google Play

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

MENYAMPUT KETIBAAN DHUYUFURRAHMAN



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 14 Zulhijjah 1445H/21 Jun 2024M

Ketika kita membuat persediaan menyambut ketibaan Dhuyufurrahman sama-sama kita beringat-ingat supaya sambutan yang diadakan itu hendaklah bersesuaian dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam

Antara adab-adab ketika menyambut kepulangan Jemaah Haji ialah:

1. **Jemaah Haji :** Sunat untuk singgah ke masjid yang paling dekat dengan rumahnya bagi mendirikan sembahyang sunat terlebih dahulu sebelum menjakkan kaki ke rumah
2. Sunat untuk bersalaman, berjabat tangan dan berpelukan sebelum Jemaah Haji memasuki rumah sambil mengucapkan:

قِيلَ اللَّهُ حَجَّكَ، وَغَفَرَ ذَنْبَكَ، وَأَحْلَفَ نَفْقَتَكَ



Ertinya: Semoga Allah menerima ibadat haji mu dan mengampunkan dosa mu serta mengantikan perbelanjaanmu

Perlu diingat bahawa:



Bersalaman dan berpelukan hendaklah antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan sahaja walaupun ada hubungan mahram



Tidak manis dan tidak elok dilakukan di khalayak ramai dan dikhuatiri akan menimbulkan fitnah

3. **Jangan memasuki rumah dari bahagian belakang rumah, tetapi hendaklah dari bahagian hadapan rumah**
4. **Jemaah Haji:** Apabila hendak masuk ke dalam rumah, disunatkan membaca doa:

تَوَبَا تَوْبَا، لِرَبِّنَا أَوْبَا، لَا يُغَادِرْ حَوْبَا



Ertinya: Kurniakanlah taubat, Kurniakanlah taubat, hanya kepada Tuhan kami tempat kami kembali, kembali tanpa meninggalkan sebarang dosa

5. **Keluarga dan saudara-mara Jemaah Haji:** Sediakan kenduri secara sederhana bagi merayakan dan menyambut keluarga mereka yang baru pulang dari mengerjakan ibadat haji dengan mengikut kemampuan masing-masing


سوروهنجاي فرخمنت عوام
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 www.RECRUITMENT.GOV.BN | www.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Impresif / pangkatan tertinggi subjek / bidang ketakwaan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sertifikat pengiktirafan dan pengiktirafan Maja Kebergunaan Pengiktirafan Ketua)
- 4 Tandakan "I" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Barisan dan perwakilan / Repersentasi Perkhidmatan Awam / Isian-lisan / kelebihan profesional dan kekuasaan yang diperolehi di dalam kerjaya)

query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

SPA.BN

	Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PENGURUS MESS TINGKAT III D.2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2024/JUN/02/KPTH	JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	29 JUN 2024
2.	PENYAMBUT TETAMU KESIHATAN / PENYAMBUT TETAMU HOSPITAL D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) 2024/JUN/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	15	7(B)	29 JUN 2024
3.	PENGARAH PENGANGKUTAN SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2024/JUN/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	38(A)	29 JUN 2024
4.	PENOLONG PENGAWAL KASTAM B.3 (BAHAGIAN II) 2024/JUN/01/KKW	JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	38(A)	29 JUN 2024
5.	PEGAWAI PENDIDIKAN TINGKAT KHAS PG.4 (BAHAGIAN II) 2024/JUN/01/KPDK	JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	07	38(B)	29 JUN 2024

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARIPEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJA HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Bilangan Sebut Harga:
 KKBS / PTD / 1.1 / 51 /
 2024 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
 Penyewaan dan Operasi Kantin Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun, Aras Bawah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
 Khamis,
 4 Julai 2024
 Tidak lewat jam 2.00 Petang

**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Tajuk Sebut Harga:
 RTB / K / 61 / 24 - 25
 – Supply, Fabricate And Install Logo Signage At Radio Television Brunei Studio Kuala Belait

Bayaran Sebut Harga:
 BND5.00 (Tidak dikembalikan)
 (Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
 BND5.00
 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
 (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
 Rabu, 26 Jun 2024
 Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**
1. Rujukan Tawaran:
 18 / JPD / JKSH / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
 12 Months Term Cleaning Services For Land Transport Department Old Office Building (Gadong)

2. Rujukan Tawaran:
 19 / JPD / JKSH / 2024 – 2025

Tajuk Tawaran:
 12 Months Term Cleaning Services For Land Transport Department Headquarters Building (Beribi)

3. Rujukan Tawaran:
 20 / JPD / JKSH / 2024 – 2025

Tajuk Tawaran:
 12 Months Term Cleaning Services For Land Transport Department Training And Driving Circuit Complex (Sungai Akar)

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa, 25 Jun 2024
 Sebelum 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:
 JBT / S / 08 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
 Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Lampu Cucul Di Sepanjang Jalan Enche Awang, Pekan Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
 Rabu, 26 Jun 2024
 Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:
 02 / JPB / SH / 2024

Keterangan :
 Tawaran Membebalkan Kain dan Upah Menjahit Pakaian Seragam Pegawai-Pegawai Beruniform Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
 BND10.00
Tarikh Tutup Dan Waktu:
 Selasa,
 9 Julai 2024
 Tidak lewat jam 2.00 Petang

Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran
 Isnin – Khamis
 8.00 Paggi - 11.30 Paggi
 Sabtu
 8.00 Paggi - 10.00 Paggi

**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**
Bilangan Sebut Harga :
 JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 05

Tajuk :
 Pembelian Peralatan Tulis
 Bagi Keperluan
 Banci Ekonomi Bagi Perusahaan (BEP) 2024

Tarikh Tutup :
 26 Jun 2024, Rabu

**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Tajuk Sebut Harga:
 RTB / K / 54 / 24-25
 – Demolition Works To RTB Building In Serambangun, Tutong

Bayaran Sebut Harga (Termasuk E-Dokumen):
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
 BND5.00
 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**
Iklan Tarikh Lanjutan
Bilangan Tawaran:
 JKP / SH / 2024-2025 / 01

Tajuk Tawaran:
 Pencetakan Buku Panduan Pemandu Pelancong, Edisi Ketiga

Tarikh Tutup Tawaran:
 Khamis, 27 Jun 2024
 Jam 2.00 Petang

Bilangan Sebut Harga:
 KKBS / PTD / 1.1 / 51 /
 2024 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
 Penyewaan dan Operasi Kantin Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun, Aras Bawah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
 Khamis,
 4 Julai 2024
 Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong - Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas V dan Kategori Kerja KA01, B01, E01, KPB02 dan KPB04 bagi:

[i] Nama Projek :

Rectification Of Minor Defects In Terrace Units At RPN Panchor (Mengkubau), Negara Brunei Darussalam

[ii] Bil. Projek:

JKP / 06 / 2024

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapat dengan menghantar e-mel kepada tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran:

22 Jun 2024 (Sabtu)

Tarikh Tutup Tawaran:

16 Julai 2024 (Selasa)

Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:


Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:

BND500.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen

[Yuran E-Dokumen & Lukisan]:
BND5.00 [Tidak dikembalikan]

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran E-Dokumen:

Pembayaran melalui One Common Billing System (OCBS)

Pembayaran melalui kaunter :

Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi – 10.00 Pagi


**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas IV dan Kategori Kerja KA01, B01 dan E01 bagi :

[i] Nama Projek :

Rectification Works To 20 Units Transit Terrace Units At Jalan 11, RPN Kg. Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam.

[ii] Bil. Projek:

JKP / 05 / 2024

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapat dengan menghantar e-mel kepada tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran:

22 Jun 2024 (Sabtu)


Tarikh Tutup Tawaran:

16 Julai 2024
(Selasa)

Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:

Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:

BND100.00 [Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:

BND5.00 [Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:

JDB / IT / CONF.SYS / 2024

Tajuk Tawaran:

To Supply, Installing And Testing Conference System At Qiyadah Meeting Room, Belait District Office

Yuran Tawaran:


BND5.00

Tarikh Tutup:

25 Jun 2024
(Selasa)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**MOE / LTK / 21 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Renovation Works To Block 'A' Flat Class E [PWD 155], Temburong, Negara Brunei Darussalam.

**MOE / LTK / 22 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Upgrading And Renovation Works To Class B Flat B2 (6 Units) At Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Bilah, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :

III / IV / V

Kategori :
B01, E01 Sahaja

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Bagi MOE / LTK / 21 / 2024 / 2025 - MOE / LTK / 22 / 2024 / 2025:

BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Sabtu, 29 Jun 2024
Jam 10.00 Pagi

Tarikh Tutup Dan Waktu :

2 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**MOE / LTK / 23 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Three Years Term Contract Comprehensive Maintenance For Housing Estates Under Belait District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :

I / II / III

Kategori :
B01, E01 Sahaja

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 23 / 2024 / 2025:

BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Sabtu, 29 Jun 2024
Jam 10.00 Pagi

Tarikh Tutup Dan Waktu :

2 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**MOE / LTK / 24 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Three Years Term Contract Comprehensive Maintenance For Housing Estates Under Temburong District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :

III / IV

Kategori :
B01 & E01 Sahaja

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 24 / 2024 / 2025:

BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Rabu, 3 Julai 2024
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Dan Waktu :

9 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]


Notis Sebut Harga
Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 45 / 24 - 25
Perkhidmatan Penggambaran Dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak- Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 46 / 24 - 25
Perkhidmatan Penggambaran Dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak- Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 57 / 24-25
Penggambaran Dan Penyuntingan Program Ramadan Realiti TV, Bahagian Rancangan TV, RTB

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 58 / 24-25
Penggambaran Dan Penyuntingan Program Realiti TV, Bahagian Rancangan TV, RTB

Bayaran Yuran:

BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu, 26 Jun 2024, jam 2.00 Petang


Tawaran
Bilangan Tawaran:

KK / 128 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:

The Provision Of Shuttle Bus Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

Kelayakan Pembekal / Pemborong :


Menjalankan Perkhidmatan Sewaan atau Penyewaan Kenderaan Seperti Kereta Sedan, Kenderaan 4WD, Van, Trak, dan Bas yang Memegang Permit Komersial Seperti Permit Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS), Permit S, dan Permit Bas Sewa Khas yang dikeluarkan oleh Penguasa Pelesenan Pengangkutan Motor, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan

Yuran Tawaran:

BND50.00

Bilangan Tawaran:

KK / 129 / 2024 / UPP


Keterangan:

To Supply And Deliver Medical Consumables (Air Spiral Tube & Chamber Kit With Neb Adapter) For Medical Intensive Unit (MICU) And Surgical Intensive Unit (SICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:

BND10.00

Bilangan Tawaran:

VAK / 01 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:



The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:

BND1,000.00

Bilangan Tawaran:

2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang


Yuran Tawaran :

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Selasa, 25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran :

KHEDN / LTK / 2024-05

Tajuk Projek :

Kerja-kerja Pembaikan Bangunan Jabatan Buruh

Bilangan Projek

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON PENGHULU MUKIM SERASA

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Serasa diadakan pagi tadi yang mengambil tempat di Dewan Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS), Muara. Hadir semasa pembukaan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Serasa tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga selaku Ketua Kampung Subok.

Calon tunggal bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim Serasa ialah Awang Saiful Adli bin Ali Hassan, berumur 40 tahun (berusia 34 tahun semasa iklan jawatan ditutup) dan bermastautin di Kampung Kapok, Mukim Serasa sejak 1987.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Syariah) dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) tahun 2017 dan pada ketika ini berkhidmat sebagai Pengurus Kelab Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Subok hadir pada pembukaan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Serasa (atas).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Serasa akan disambung pada Ahad, 23 Jun 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Dewan Sekolah Rendah SUAS, Muara.

Sehubungan dengan itu, Jabatan

Daerah Brunei dan Muara (JDBM) seterusnya menjunjung dan mempersilakan para penduduk Mukim Serasa untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



SUASANA sekitar Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Serasa yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS) (atas sekali kanan, atas kiri dan atas kanan).

PPNBD korban 3 ekor kerbau

BERIBI, Khamis, 20 Jun. - Dalam sama-sama menyemarakkan hari kebesaran Islam ini, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Keagamaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masih mengadakan Majlis Ibadah Korban PPNBD yang diadakan di Balai Ibadat PPNBD.

Pada majlis tersebut, sebanyak tiga ekor kerbau telah dikorbankan dan pengagihan daging-daging korban kepada 21 orang penerima dalam kalangan fakir miskin, orang ramai dan peserta yang menyertai ibadah korban disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin yang juga hadir sebagai tetamu kehormat majlis.

Majlis Ibadah Korban ini dianjurkan sebagai acara tahunan bagi PPNBD yang mana ibadah korban merupakan amalan sunat yang amat dituntut dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



SEKITAR Majlis Ibadah Korban Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang diadakan di Balai Ibadat PPNBD (kanan dan atas).

Dengan adanya majlis tersebut, dapat menyemarakkan syiar Islam serta menyemai dan memupuk kesedaran tentang tuntutan

agama dan membantu orang yang berkeperluan sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli pengakap.



Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap; Penolong-penolong Pengakap; Pesuruhjaya Daerah; Pemimpin-pemimpin Pengakap dan ahli-ahli pengakap.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki	Wanita
--------	--------

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lebih tua memiliki risiko yang lebih tinggi.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras yang berlebihan.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesahan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Nyawa Anda

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppk.gov.bn

Seminar Pakar Pendidikan labuh tirai



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Khamis, 20 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik meneruskan hari kedua Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Seminar tersebut bertemakan 'Contemporary Specialisation in

Educational Practices towards Education Excellence' dengan subtema 'Effective Instructional Coaching towards Education Excellence'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin



SEKITAR Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (atas dan kiri).

Haji Abdul Rahman.

Pada hari kedua seminar, empat bengkel selari telah disampaikan oleh Calon Pakar Pendidikan, diikuti dengan bengkel 'Enhancing Coaching Conversations with Neuro Linguistic Programming (NLP) and Emotional Intelligence (EI)' disampaikan oleh Ketua Unit

Kepakaran, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik, Awang Chong Yun Onn, kepada para peserta seminar.

Majlis diteruskan lagi dengan Sesi Penyampaian Surat Pelantikan dan Sijil Tamat Kursus Pakar Pendidikan yang

disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada 11 Pakar Pendidikan dan diakhiri dengan penyampaian resolusi oleh Awang Chong Yun Onn.

Turut hadir semasa majlis hari ini ialah ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

PROGRESIF SUMBANG WI-FI KEPADA 5 BUAH SEKOLAH



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Rabu, 19 Jun. - Lima buah sekolah kerajaan terpilih menerima sambungan data jalur lebar (Wi-Fi) inisiatif Adopt a School melalui Kempen Sumbangan Data Fasa 2 Progresif Sendirian Berhad bersama para penaja. Acara tersebut menandakan kejayaan pelaksanaan sambungan internet yang dipertingkatkan, yang memberi manfaat kepada para pelajar dan juga guru-guru.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Ibu Pejabat Progresif itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Juga hadir pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-sekolah termasuk wakil-wakil penaja terdiri daripada Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pengurus Besar Audley Insurance Sdn. Bhd., Dayang Siti Zulaikhah binti Haji Awang Damit; Ketua Pegawai Kewangan BELTS Brunei, Loo Mei Tim; Timbalan Pengarah Urusan DD' Pykes, Awangku Md. Hisyam Al-Yura bin Pengiran Haji Zainal Abidin; Pengarah Exceltech Solutions Sdn. Bhd., Awang Rizal bin Haji Adnin serta pihak-pihak

pengurusan stakeholder dan Progresif.

Para penaja telah bekerjasama dengan Progresif dalam menyokong inisiatif Adopt a School melalui Kempen Sumbangan Data Fasa 2 Progresif, di mana mereka menaja perkhidmatan sambungan Wi-Fi selama setahun yang disediakan oleh Progresif kepada lima buah sekolah iaitu Pusat Tingkatan Enam Tutong, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam; Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, Sekolah Menengah Rimba dan Sekolah Menengah Menglait.

Kerjasama strategik ini bertujuan bagi menyokong dan memberi kemudahan sambungan Wi-Fi, menumpukan terhadap peningkatan infrastruktur digital dan keupayaan ketersambungan.

Kesemua penaja juga berkongsi matlamat sama iaitu untuk menggunakan sumber dan kepakaran mereka untuk memberi impak positif dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat inklusif secara digital.

Pelaksanaan digital di sekolah adalah mustahak untuk mewujudkan pendidikan yang moden, cekap dan persekitaran inklusif yang mempersiapkan pelajar bagi tuntutan masa depan. Internet menawarkan akses kepada maklumat dan sumber pendidikan yang luas, membolehkan para pelajar meneroka mata pelajaran

dengan lebih mendalam dari pelbagai perspektif, terutamanya dalam era digital kini.

Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar dalam ucapannya melahirkan rasa berbesar hati dengan komitmen yang Progresif Kongsi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam mempertingkatkan lagi sistem pendidikan negara melalui kempen berkenaan.

"Progresif berdiri teguh dalam dedikasi kami untuk melengkapkan komuniti pembelajaran digital dengan sumber-sumber dalam talian yang penting, terutamanya sambungan Wi-Fi, untuk menyokong pendidikan berkualiti sejajar dengan Wawasan Brunei

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut. Manakala gambar bawah kiri dan kanan, penyampaian sambungan data jalur lebar (Wi-Fi) inisiatif Adopt a School melalui Kempen Sumbangan Data Fasa 2 Progresif Sendirian Berhad bersama para penaja.

2035. Kami berbesar hati dapat bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan sejak penubuhan Kempen Sumbangan Data Fasa 1 pada tahun 2021 lalu," jelasnya.

Adopt a School merupakan inisiatif yang menumpukan kepada penajaan sambungan internet, yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkepentingan di negara ini. Pemilihan sekolah ditetapkan dan disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan, sekali gus mempermudahkan proses bagi pihak berkepentingan untuk membuat sumbangan bermakna ke arah mempertingkatkan sumber internet dalam pendidikan.

Fasa 1 Kempen Sumbangan Data, yang dilancarkan pada 2021 dan diterajui oleh Kementerian Pendidikan, bertujuan untuk menyokong pembelajaran dalam talian, dan meningkatkan gaya hidup digital untuk para pelajar dan guru di seluruh negara. Konsep tersebut melibatkan sumbangan orang ramai melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS), yang kemudiannya ditukar kepada nilai data dan ditaja kepada sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan.



UNISSA RAIKAN, MULIAKAN HARI RAYA AIDILADHA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SINAUT, Rabu, 19 Jun. - Ibadah korban merupakan amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam iaitu dengan menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha; 10 Zulhijah dan Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah sebagai tanda syukur seorang hamba atas



nikmat yang diberikan di samping mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi memuliakan dan meraikan sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Keugamaan dan Takmir Surau, Pejabat Hal-

Ehwal Pelajar mengadakan majlis berkenaan bertempat di Dewan Ar-Rayyan, Kampus Sinaut UNISSA, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis diserikan dengan tazkirah khas disampaikan oleh Penolong Profesor dari Fakulti Usuluddin, Dr. Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar yang antara lain menerangkan, tujuan yang ingin dicapai daripada ibadah korban adalah keikhlasan dan ketakwaan, dan bukan hanya daging atau darahnya.

Daripada kisah kehidupan Nabi Ibrahim Alaihissalam mengajar kita erti menghapus rasa kepemilikan terhadap kurnia pemberian Allah Subhanahu Wata'ala yang berupa keluarga.

PENGAGIHAN daging korban kepada penerima dari kalangan fakir miskin bagi kawasan Mukim Keriam, Daerah Tutong dan juga kepada warga UNISSA pada majlis berkenaan (kiri sekali dan kiri).



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban tersebut.

Menurutnya lagi, ibadah korban adalah sebagai tanda bersyukur di atas segala nikmat yang kita peroleh dan orang yang berkemampuan tetapi tidak melaksanakan ibadah korban seolah-olahnya tidak layak mendatangi masjid untuk melaksanakan ibadat solat.

Pada tahun ini, sebanyak tiga ekor kerbau dikorbankan dan seterusnya pengagihan daging korban kepada 48 penerima dari kalangan fakir miskin bagi kawasan Mukim Keriam, Daerah Tutong

dan juga kepada warga UNISSA pada majlis berkenaan.

Majlis turut dihadiri oleh penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai-pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswa UNISSA.

Majlis yang merupakan aktiviti tahunan UNISSA ini diadakan bagi sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan sekali gus mengerakkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga UNISSA.

Ibadah korban tanda memuliakan, menyemarakkan Aidiladha



NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban dan aqiqah kepada penerima (kiri dan kanan).



TUNGKU, Rabu, 19 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD dan Persatuan Mahasiswa-mahasiswa UBD petang tadi mengadakan Majlis Pengagihan Daging Ibadah Korban dan Aqiqah sempena Hari Raya Aidiladha 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di UBD Startup Centre (USC).

Majlis tahunan tersebut diadakan sebagai tanda memuliakan dan menyemarakkan Aidiladha dalam kalangan warga UBD dan bagi sama-sama menghayati pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Selain itu, ia juga adalah sebagai khidmat masyarakat kepada orang ramai daripada pihak UBD sekali gus mengerakkan lagi hubungan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan warga universiti yang beragama Islam, bersama

dengan penduduk sekitar serta masyarakat Islam di luar kampus UBD.

Pada tahun ini, seramai 47



SEKITAR Majlis Pengagihan Daging Ibadah Korban dan Aqiqah sempena Hari Raya Aidiladha 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di UBD Startup Centre (USC) (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
 Foto : Azmah Haji Ahad

peserta menyertai ibadah korban dan aqiqah, iaitu sebanyak enam ekor kerbau dan lima ekor kambing telah dikorbankan.

Untuk tahun ini juga, UBD telah menggunakan perkhidmatan bekalan dan penyembelihan dari Syarikat PDS bagi penyembelihan kerbau dan TGB284 Agriculture & Farm bagi penyembelihan kambing.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban dan aqiqah tersebut, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat. Kemudian diteruskan dengan pengagihan daging korban dan aqiqah kepada para peserta, penerima orang awam serta golongan yang menerima bantuan.

Manakala, pengagihan kepada golongan asnaf fakir dan miskin pula dijalankan sejurus selesai acara memucang-mucang dan pembahagian dilaksanakan pada sesi sebelah pagi.

Para sukarelawan yang terdiri daripada kalangan para pelajar UBD telah menghantar bahagian berkenaan ke rumah para penerima seramai 50 keluarga yang terpilih di sekitar kawasan Kampung Rimba dan kampung-kampung berdekatan yang terpilih.

KEPENTINGAN PENGGUNAAN DIGITAL DALAM PEMASARAN, PROMOSI PELANCONGAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



PARA peserta semasa sesi bergambar ramai (kanan), manakala gambar atas dan bawah, suasana perbincangan para peserta pada bengkel sehari mengenai pembangunan pakej bertempat di Bilik Mesyuarat VIP, Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan bengkel sehari mengenai pembangunan pakej untuk 18 ejen pelancongan bertempat di Bilik Mesyuarat VIP, KSSUP, di sini.

Bengkel tersebut bertujuan untuk melengkapkan ejen pelancongan yang mengambil bahagian dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, untuk membangunkan pakej pelancongan yang menarik memenuhi pelbagai pilihan pelanggan dan memperkenalkan tawaran pelancongan tempatan yang menarik.

Sesi yang diketuai oleh beberapa pegawai jabatan itu, menekankan kepentingan menggunakan alat digital untuk pemasaran dan promosi.

Program berkenaan termasuk satu siri pembentangan, perbincangan dan latihan yang memupuk persekitaran pembelajaran kolaboratif.

Bengkel tersebut juga menyediakan para peserta cara mempromosikan pakej mereka dengan berkesan pada ekspo antarabangsa yang akan datang sepanjang tahun ini hingga 2025, termasuk Percutian NATAS Singapura, Ekspo Pelancongan Jepun 2024, dan acara berpotensi lain.

Dengan mempelbagaikan tawaran mereka untuk menarik pelbagai segmen pasaran, KSSUP pada masa yang sama menyasarkan agar ejen pelancongan dapat mencipta pakej yang lebih baik dan menarik untuk pengalaman Ramadan yang unik di Negara Brunei Darussalam.

Acara diakhiri dengan penyampaian sijil kepada semua agensi yang mengambil bahagian, mengiktiraf komitmen dan penglibatan mereka sepanjang bengkel sehari.

Untuk maklumat lanjut atau aktiviti pelancongan, sila layari laman sesawang di www.bruneitourism.com atau @info.bruneitourism di Instagram.

Majlis Khatam Al-Quran raikan 22 murid

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

SERUSOP, Khamis, 20 Jun. - Seramai 22 orang murid yang terdiri daripada 12 murid lelaki dan 10 perempuan dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Serusop (Sesi Pagi) diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran setelah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran, bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Penolong Pengarah Eksekutif (Pengawalseliaan 1), Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Yulia Qidzura binti Haji Mohd. Yussin.

Majlis merupakan usaha pihak sekolah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping satu galakan bagi menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya dan amalan harian dalam kalangan murid-murid.

Terdahulu, Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta Khatam.

Seterusnya, majlis disusuli dengan bacaan Takhtim dan Dikir oleh murid-murid Darjah IV dan V sekolah berkenaan.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Khalil Hadif bin Muhammad Hady, dan dilanjutkan dengan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu khas majlis.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh Pengiran Kamalarifin bin Pengiran Haji Aji.



PENOLONG Pengarah Eksekutif (Pengawalseliaan 1), Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Yulia Qidzura binti Haji Mohd. Yussin semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Serusop (Sesi Pagi) di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan (atas dan bawah).



IBADAH KORBAN ERATKAN UKHUWAH



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Sebanyak dua ekor kerbau dikorbankan pada Majlis Ibadah Korban Sunat sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha Pusat Kegiatan Warga

Emas (PKWE), Daerah Brunei dan Muara bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Majlis tersebut berlangsung di PKWE, Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara (RPN)

Lambak Kanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagihkan daging korban tersebut, Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Zailani bin Haji Abd. Malik.

Juga hadir, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-

ketua Kampung Kawasan 1, 2, 3, 4, dan 5, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

Seramai 17 ahli PKWE menyertai ibadah korban tahun ini, yang diagihkan kepada Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Kawasan

PEMANGKU Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Zailani bin Haji Abd. Malik hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban Sunat dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada para penerima (kiri dan kiri sekali).

1, 2, 3, 4, dan 5, RPN Lambak Kanan selaku wakil anak-anak yatim.

Objektif majlis tersebut adalah sebagai tuntutan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengeratkan lagi ukhuwah persahabatan sesama ahli dan masyarakat awam.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperingati peristiwa penyembelihan Nabi Ismail oleh bapanya Nabi Ibrahim Alaihissalam, di samping menyumbang sedekah kepada golongan-golongan yang memerlukan.

MPK Sungai Bunga anjur Majlis Ibadah Korban

PEMANGKU Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Zaini bin Haji Salleh, yang juga selaku Ketua Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana semasa menyempurnakan penyampaian daging-daging ibadah korban berkenaan (kanan dan kanan sekali).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga sekali lagi mengadakan Majlis Ibadah Korban dan seterusnya mengagihkan daging-daging korban kepada golongan fakir / miskin, peserta-peserta korban dan ahli-ahli qariah.

Majlis yang berlangsung di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, MPK Sungai Bunga itu dimulakan dengan Takbir Hari Raya dan diikuti dengan bacaan doa.

Penyampaian daging-daging ibadah korban tersebut disempurnakan oleh Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Zaini bin Haji Salleh,

yang juga selaku Ketua Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana.

Usaha berkebajikan ini dilaksanakan secara berterusan dengan mengadakan kutipan

secara bulanan dengan tujuan bagi menggalakkan Ahli-ahli MPK dan biro-biro di bawahnya untuk melaksanakan ibadah korban yang sangat dianjurkan oleh agama Islam.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga

Selain itu, majlis juga bertujuan bagi membesarkan Hari Raya Aidiladha dengan cara yang dianjurkan oleh agama Islam di

samping memupuk perpaduan khususnya dalam kalangan Ahli-ahli MPK, golongan daif dan masyarakat kampung.

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGETAHUAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**


PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

9 KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PEKERJAAN, 2009 DICATATKAN



PEGAWAI-pegawai Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa menjalani operasi berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi

Siaga 128/2024 pada 12 Jun 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para

majikan.

Pemeriksaan bagi kegiatan restoran yang dijalankan di kawasan Kampung Sungai Tilong telah mendapati sembilan kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 39(2), majikan gagal membayar gaji kerja lebih masa; Bab 44, membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Perintah Pekerjaan 2009; Bab 63, gagal memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 65, memberikan pekerjaan melebihi jam bekerja yang ditetapkan; Bab 70, gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan; Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan; dan Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing dengan pekerja asing yang berjawatan sebagai pelayan didapati melakukan pekerjaan sebagai juruwang dan membuat minuman.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

dihadapkan ke mahkamah. Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti membayar gaji kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sekurang-kurangnya sehari dalam seminggu, memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam

yang diwartakan, memberikan cuti tahunan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan tidak menyalahgunakan syarat-syarat Lesen Pekerja Asing.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Latihan Tembak PPDB bermula 24 Jun ini

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa PPDB akan mengadakan Latihan Tembak.

Latihan tersebut akan diadakan selama empat hari bermula Isnin, 24 Jun 2024 hingga Khamis, 27 Jun 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338 Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan ini, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya yang tinggal berdekatan kawasan tersebut supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

SENGKURONG, Khamis, 20 Jun.

- Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Balai Polis Sengkurong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan Ahmad, 42 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor pasport C4052901, yang dipercuryai lari daripada majikan.



AHMAD, 42 tahun, warganegara Indonesia dan nombor pasport C4052901.

Bantu kesan Nur Farhana Nadhirah

SENGKURONG, Khamis, 20 Jun.

- Balai Polis Sengkurong memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang anak perempuan dipercuryai keluar dari rumah.

Menurut kenyataan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), anak tersebut ialah Nur Farhana Nadhirah binti Marzuki, berumur 14 tahun, warga tempatan dengan memegang nombor kad pengenalan 01-170955 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



NUR Farhana Nadhirah binti Marzuki, warga tempatan, kad pengenalan 01-170955 (K).

DARI MAHKAMAH Penjara 10 bulan, sebat, akibat cabul kehormatan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Seorang lelaki tempatan dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan dan satu kali sebatan di Mahkamah Majistret kerana melakukan perkara tidak senonoh mencabul kehormatan seorang perempuan.

Hakim Harnita Zelda Skinner menjatuhkan hukuman tersebut selepas defendan mengaku bersalah atas satu pertuduhan mengikut Seksyen 28 (1) (a) Akta Orang Muda dan Kanak-kanak.

Mengikut pertuduhan, defendan yang tidak dapat disebutkan namanya didakwa dengan sengaja melakukan perbuatan

tidak senonoh kepada Miss X (mangsa) dengan maksud niat untuk mencabul kehormatannya di sebuah lokasi di mana defendan bertugas.

Pada 3 Jun 2021, iaitu kira-kira jam 8.00 malam, defendan memanggil mangsa untuk membincangkan mengenai perkara-perkara proses pengeluarannya (pembebasannya) dari lokasi tersebut pada masa yang akan datang. Dalam masa yang sama, mangsa juga meminta bantuan daripada defendan untuk membantu mencari kotak bagi menyimpan barang-barang milik mangsa.

Lalu, mereka pergi ke bilik stor untuk mencari kotak berkenaan namun tidak menjumpainya.

Semasa berjalan keluar dari bilik stor tersebut, mangsa terkejut apabila melihat defendan berada di belakangnya dan seterusnya melakukan perkara tidak senonoh. Mangsa terkejut dan memukul tangan defendan.

Tidak lama selepas itu, mereka meneruskan pencarian di kawasan perpustakaan bagi mencari kotak tersebut namun tidak menemuiinya kerana bilik stor di kawasan perpustakaan tersebut berkunci. Lalu semasa mereka berjalan keluar dari perpustakaan tersebut, secara tiba-tiba defendan memeluk mangsa dan mangsa terus menolak badan defendan.

Beberapa hari kemudian, iaitu dalam bulan yang sama, mangsa telah menceritakan kejadian tersebut kepada salah seorang pelajar di mana kebetulannya pelajar tersebut bertugas di lokasi berkenaan mengenai kejadian yang berlaku pada 3 Jun tersebut.

Dalam bulan yang sama juga, salah seorang pekerja datang mengunjungi mangsa di tempat lokasi tersebut dan bertanya mengenai perihal defendan yang melakukan perkara tidak senonoh tersebut.

Mangsa memberitahu apa yang telah berlaku sehingga menyebabkan mereka membuat laporan polis. Defendan kemudiannya telah ditangkap dan disiasat berhubung dengan perkara tersebut. Semasa dalam siasatan, defendan mengaku melakukan perbuatan tersebut pada 3 Jun 2021.

Dalam rekod, defendan tidak mempunyai sebarang sabitan. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Atiyah Azzahra binti POKLS DSLJ.



Mencuci kereta

Oleh : Azreen Yassin

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

Di satu petang, yang sedikit panas, dua pemuda dalam lingkungan umur dua puluhan sedang tekun mencuci beberapa kereta. Sejak pagi tadi, tidak putus-putus pelanggan datang silih berganti bagi mendapatkan khidmat membersihkan kereta dengan kadar upah menurut saiz dan jenis setiap kenderaan.

Dua pemuda tersebut, Daza dan Wada keduanya sahabat baik. Tubuh mereka basah dengan ketempiasan air yang disiram ke arah kereta, juga basah dengan titisan air peluh mereka. Sejak empat petang tadi, semakin bertambah kereta yang datang bagi mendapatkan khidmat membersihkan kereta.

Dari wajah mereka, keduanya sangat penat dan lelah. Namun apakan daya, kerja perlu diteruskan.

Begitulah pemandangan yang terjadi di sebuah bengkel pencucian kereta yang terletak di tepi jalan utama. Hari itu pelanggan lebih ramai dibandingkan hari-hari lainnya, mana tidak, hari itu adalah hari pekerja menerima gaji, atau lebih dikenali dengan gelaran payday.

Penat benar Daza juga Wada, manakala bos kerja mereka Lahamit pula sebaliknya, wajahnya semakin lama tampak semakin manis, Lahamit benar-benar suka hati di samping mengira-ngira duit keuntungan yang terus masuk sejak pagi tadi. Riak wajahnya penuh kegembiraan seperti keceriaan seekor ayam jantan yang masuk dalam reban penuh dengan ayam berlawanan jenis. Andai suasana seumpama ini terjadi setiap hari, sungguh membahagiakan sekali.

Tidak berapa lama kemudian Lahamit memanggil mereka, "Daza, Wada.."

Keduanya yang baru duduk berehat, segera menyahut. "Kenapa bos?! Panyap tia barangani ani semua?"

Lahamit dengan wajah yang sungguh manis, "Eh.. aa.. bukan..!"

Daza dan Wada mula berperasaan tidak sedap hati.

Lahamit semakin tersenyum lebar, "Kitani teruskan keraja-

hari ani kitani overtime sampai ingannya. Sebab memandangkan masih ramai yang memerlukan khidmat servis perniagaan kitani yang berkualiti ani."

Daza memintas cepat. "Aaa Bos.. minta maafku, anu.. kadiaku ada berjanji malam ani sama urang, ada hal penting."

Wada juga bersuara cepat. "Bos kadiaku pun sama, kan berjuma kawan.. ada hal urgent malam ani. Minta maafku Bos.. malam ani indaku berlaku bekerja overtime."

Lahamit yang senyum di pencapaian peringkat madu, segera berubah masam. Baru saja ia berangan-angan akan menerima banyak wang sebelum waktu Isyak, tetapi kedua pekerjanya itu pula ada hal.

"Bah macamiani saja, memandangkan kamu ada urusan karang, bekerja sampai tujuh malam saja." Lahamit berpaling meninggalkan pekerjanya itu, duduk semula di mejanya. Meja khusus untuknya membuat catatan dan kira-kira.

Daza dan Wada saling berpandangan, mereka rasa sangat penat. Tetapi masih ada beberapa kereta yang menunggu giliran, lebih kurang sepuluh buah. Dengan kudrat mereka berdua, sebuah kereta jika dbersihkan luar dan dalam, paling cepat pun 7-12 minit, tertakluk keadaan kereta itu. Pernah sebelum ini mereka membersihkan sebuah kereta besar, yang penuh lumpur melekat keras, mengambil masa lebih 30minit.

"Za, kadiaku.. inda lagi sanggup mencuci kereta yang ada ani, kalau dikira dari tadi pagi, hampir 50 buah sudah kitani bekerja membersihkan."

Kedengaran lemah suaranya, tapi apa yang mampu Daza buat? Ia sendiri pun sama halnya seperti Wada.

"Tapi, macam miana? Atu! Bos ah, masih duduk menunggu. Kadiaku pun setangah kapisan sudah rasa ani, mengalih banarku."

Mereka memandang Lahamit yang sedang mengira-ngira lembaran wang. Lahamit meneruskan pekerjaannya beseorangan. Dalam waktu

Wada dengan cepat kembali menyambung mencuci kereta, meneruskan pekerjaan mereka. Selepas beberapa minit, mereka berhenti berehat lagi. Ketika ini, keduanya sudah sangat penat, kemungkinan jika diteruskan, salah seorang daripada mereka akan terkena strok keletihan.

Daza sedar Wada sudah tidak kuat meneruskan pekerjaan, tetapi dalam masa yang sama ia tahu majikan mereka tidak mungkin membenarkan mereka menghentikan perniagaannya pada hari itu, Daza melihat masih banyak kereta yang menunggu giliran, malah beberapa buah lagi baru tiba.

Wada akhirnya sudah tidak tahan, "Za, ngalah banarku, rasakan tumbang, mana lagi lapar. Aku muh balik berehat.. membali makanan yang manis-manis."

Terketar-ketar suara Wada. Wada yang berharapan kepadaanya. Daza meletakkan sponge besar dipegangnya dan menuju ke meja majikan.

"Bos..!"

"Ah, Kenapa?" Lahamit menyahut dengan suara tidak senang.

"Wada.. kadia rasa inda sihat, ku lihat hampir-hampirkan pengsan sudah, tapi ia inda mahu berterus-terang arah kita," Terang Daza.

Lahamit menjengukkan kepalaunya melihat keadaan Wada yang terduduk. Kemudian kembali menatap Daza.

"Sekali? Macam mana?" Tanya Lahamit.

"Bos, mohon izin ia dapat pulang, biar kadiaku saja menyelesaikan kereta yang ada ani, insyaaAllah akan diselesaikan dengan sebaiknya. Ganya perlahan tah sedikit tu.."

Lahamit kelihatan berfikir, akhirnya mengangguk bersatuju. "Bah, suruh tah ia mulih."

Wada lalu pulang dengan basikalnya, Daza berpesan kepadaanya agar berhati-hati semasa mengayuh basikal, pesannya juga tiba di rumah, agar bawa makan, berehat dengan sebaiknya. Kelihatan semasa Wada mengayuh basikal, sedikit terhuyung-hayang. Daza meneruskan pekerjaannya beseorangan. Dalam waktu

yang mengambil sedikit masa, dua buah kereta akhirnya siap. Ia meneruskan pekerjaan dengan sabar, tubuhnya sudah berasa sakit-sakit, tapi ia meneruskan juga.

Seterusnya sebuah kereta mewah, pemandunya seorang wanita berusia 30an. Daza menghampiri tingkap pemandu. Sejurus cermin tingkap diturunkan Daza menyapa hormat.

"Assalamualaikum Puan, selamat petang, bengkel kami.. Carwash Cleaningzzz menyediakan Paket 'A', iaitu khidmat mencuci luaran dan dalaman kereta, manakala Paket 'B' mencuci luaran kereta sahaja, Paket 'C' membersihkan menggunakan vacuum cleaner bahagian dalam kereta, dan Paket 'D' membersihkan rim dan tayar kereta sahaja."

"Bah I want package 'A', please extra careful cleaning this car." Wanita itu mengarahkan, keluar dari keretanya dan duduk menunggu di tempat disediakan, wanita itu nampak muram.

"Silakan Puan menunggu, servis membersihkan bagi Paket 'A' untuk kereta Puan mengambil masa lebih kurang 10-15 minit, insyaaAllah."

Tanpa membuang masa, berhati-hati menyiram luaran kereta, memastikan kotoran yang ada dbersihkan dengan air terlebih dahulu sebelum mencuci dengan pencuci khusus.

Akhirnya selesai, ia memaklumkan wanita itu keretanya sudah tersedia bersih. Wanita itu membayar dan masuk dalam kereta tanpa mengucapkan terima kasih. Daza sedikit pun tidak ambil hati, sudah biasa dengan sikap seperti itu, setiap orang ada masalah masing-masing yang tersendiri.

Daza bersedia menerima giliran kereta seterusnya, tiba-tiba di permukaan langit memancar kilat diikuti dentuman guruh, titisan hujan mula bercucuran. Kereta yang berbaris menunggu giliran semuanya berlalu pergi. Lahamit segera mengarahkan mengemas perkakas, lalu pergi dengan keretanya tanpa membantu Daza.

Dalam kerentenan suasana, Daza merasa kesyukuran yang tidak berbelah bagi. Benar-benar

ia berasa lega. Dirinya sudah tidak kuat meneruskan pekerjaannya hari itu, ia bersyukur Allah maha memahami kesukarannya. Dengan perlahan mengemas perkakas.

Ia mengambil basikalnya, mengayuh dalam kehujanan pulang ke rumahnya. Perutnya benar-benar lapar, tekaknya dahaga, air bekalan dibawanya sudah habis diminum petang tadi. Saat ini ia hanya mampu mengharap ampunan dan rahmat Allah agar dapat pulang selamat.

Belum lama mengayuh, belum selesai berdoa dalam hatinya, sebuah kereta muncul dari belakangnya mengehon, kereta itu memintas, menepi depannya. Seorang wanita memegang payung keluar dari kereta itu. Kebetulan hujan mula berhenti, Daza melihat wanita tersebut adalah pelanggan awal tadi.

"Eh, kita.. ada apa Puan?" Daza sedikit bingung.

"Alhamdulillah, syukur sampat berjumpa kita," Wanita itu tersenyum, "sila terima dari saya.." Wanita itu menyerahkan beberapa bungkus plastik.

Daza terdiam seribu bahasa, tidak mengerti, "Eh..? Apa ni?"

"Dan ani, sedikit cenderahati dari saya untuk kita, terima kasih banyak-banyak." Wanita itu pun meninggalkan Daza, masuk dalam kereta dan melambai.

Daza tidak faham, tetapi perempuan itu sempat memperlihatkan sebentuk cincin dijarinya. Baru Daza teringat, cincin ia jumpai semasa membersihkan dalam kereta wanita itu, cincin emas permata merah, dijumpainya di bawah kerusi, selepas dbersihkan, ia meletakkan cincin itu di rak kecil di depan.

Daza tidak mahu berfikir lagi, sejurus wanita itu pergi, ia membuka bungkus plastik, dalamnya berbagai makanan, juga minuman. Tanpa membuat masa, lalu ia makan dan minum atas basikalnya. Sambil makan dan minum, ia membuka lipatan sampul diberikan wanita tadi, ada sejumlah wang dalamnya. Hatinya rasa terharu tetapi dalam masa yang sama hatinya gembira, ia bergegas pulang untuk menjumpai Wada untuk makan bersama.



Bersikap ihsan kepada warga tua

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

HAKIKAT fitrah bagi kejadian setiap insan akan melalui beberapa proses fasa kehidupan. Bermula dengan fasa anak damit dalam kandungan, fasa selepas kelahiran, fasa kanak-kanak, fasa remaja dan dewasa, dan akhirnya fasa penuaan. Setiap fasa yang dilalui itu akan mengalami perubahan-perubahan dari aspek fizikal, mental dan emosi, sosial serta spiritual. Perubahan fasa-fasa ini merupakan lumrah yang akan dilalui oleh setiap insan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Nahl ayat 70, maksudnya : "Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Dia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah dia (manusia itu) tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa."

Hakikatnya, tiada seorang insan pun di dunia akan sentiasa berada pada usia muda meskipun menggunakan apa juga produk kesihatan, kecantikan, vitamin anti-penuaan atau sebagainya. Setiap anak damit dilahirkan akan mengalami proses pembesaran sehingga akhirnya mencapai usia tua.

Warga emas

Di negara kita, istilah warga emas amat sinonim bagi menggambarkan golongan mencapai usia lanjut serta memiliki kudrat terhad jika dibandingkan dengan

golongan lain, terutama golongan remaja dan belia.

Menjadi lumrah alam, apabila seseorang mencapai usia tua, kudratnya menjadi amat terbatas. Apatah lagi golongan ini sering dikaitkan dengan keadaan kesihatan amat terbatas sehingga mudah mendapat penyakit sekiranya aspek pemakanan tidak diambil perhatian. Malah, hati dan perasaan golongan ini juga amat sensitif dan mudah tersinggung. Meniti pada usia emas, golongan ini perlukan lebih perhatian, kasih sayang serta pemedulian daripada keluarga meskipun mereka masih sihat dan bertenaga.

Inilah hakikat yang perlu difahami setiap insan kerana mahu atau tidak, semua orang akan mengalami hal yang sama.

Saling menghormati, sayang-menayangi

Maka kita hendaklah menghormati dan memuliakan mereka. Menyayangi sesama makhluk Allah setentunya akan membawa rasa persaudaraan dan ikatan kasih sayang. Dalam hubungan ini perlunya ada timbang rasa, persefahaman yang mana sikap masing-masing akan jelas menunjukkan cara berfikir. Golongan muda perlu disayangi dan bersikap lemah lembutlah kepada mereka kerana mereka masih muda dan akal serta ilmunya masih kurang. Mereka ini perlu dibimbing dan tidak dihukum apabila melakukan kesalahan tanpa disengaja. Sebaliknya golongan muda pula perlu menghormati, menyayangi, membantu serta bersabar apabila menghadapi golongan warga emas.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda dalam hadis bermaksud : "Sesiapa tidak mengasihi anak-anak kecil (golongan muda) dan tidak menghargai hak orang tua, dia bukanlah termasuk dalam golongan kami." (HR Bukhari).

Apa yang penting, ibu bapa dan orang dewasa perlu sentiasa menasihati serta mengingatkan golongan muda untuk sentiasa menghormati serta menyayangi orang tua atau warga emas.

Berbicara dengan lembut kepada yang lebih tua

Dalam tatacara berinteraksi dengan sesama manusia, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan kepada kita untuk lebih menghormati dan menghargai hak orang lebih tua, terutama yang sudah lanjut usia. Menghormati orang tua dan berusia lebih tua daripada diri kita termasuk dalam adab mulia.

Setiap anak diperintah oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk berbuat baik kepada kedua orang tua, terutama apabila usia mereka semakin meningkat. Setiap anak dilarang meninggikan suara ketika berbicara dengan ibu bapa, sebaliknya perlu berkata dengan sopan dan tertib. Justeru wajar untuk setiap Muslim bersifat baik dan ihsan kepada warga tua walaupun mereka bukan ibu bapa kandung sendiri.

Dalam menguruskan golongan warga emas ini, setiap orang Islam perlu merenungi firman Allah Subhanahu Wata'ala bermaksud : "Dan Tuhanmu memerintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau keduanya sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'ah', dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan mulia (bersopan santun)." (Surah Al-Isra', ayat 23)

Dalam hal ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan menerusi hadis bahawa golongan tua perlu diberi keutamaan dalam hal kebaikan membabitkan mereka. Setiap daripada kita perlu sentiasa mendahului mereka sebagai tanda menghormati dan menyayangi mereka.

Bercontohnlah kita kepada perihal akhlak dan budi pekerti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sangat indah. Baginda seorang Rasul utusan Allah Subhanahu Wata'ala terpilih, yang sangat menghormati golongan tua. Kedudukan Baginda sebagai seorang Rasul tidak sesekali menjadikan diri Baginda mendahului keperluan orang

tua.

Hargai golongan emas

Pelbagai pihak termasuk badan kerajaan, swasta dan mahasiswa universiti perlu bertindak menunjukkan keprihatinan kepada golongan tua dan tidak sesekali melupakan golongan ini. Bagi mengeratkan hubungan dengan warga emas, sentiasa libatkanlah mereka dalam mana-mana aktiviti sekampung atau acara-acara rasmi kerana mereka ini juga mampu menyumbang bakti kepada negara selagi mereka masih berupaya untuk melakukannya. Dengan mengikuti mana-mana aktiviti akan dapat menyuntik semangat golongan warga emas agar sentiasa menjaga kesihatan dan seterusnya dapat berganding dengan golongan belia untuk menyumbang bakti yang mereka termpuh.

Kesimpulan

Kita dituntut untuk memuliakan atau menghormati seseiap sahaja kerana itu adalah tanda keindahan agama Islam. Islam mengajar umatnya agar mengamalkan sikap saling menghormati dan menyantuni antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, pangkat ataupun keturunan. Sikap seperti ini perlu disemai sejak kecil, lebih-lebih lagi terhadap kedua ibu bapa dan juga kepada orang yang lebih dewasa atau warga emas, sama ada mereka yang ada hubungan kekeluargaan ataupun tidak. Asuhlah anak-anak kita untuk beradab dengan orang lain. Lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia hari ini, manusia semakin kehilangan adab dan moral dalam kehidupan mereka.

Sesungguhnya warga emas juga mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka. Saling sayang menyayangi serta menghormati antara orang tua dan orang muda akan mewujudkan persekitaran yang sihat dan harmoni.





NEW DELHI, 20 Jun. - Sekurang-kurangnya lima orang maut akibat strok haba di ibu kota India

19 MAUT AKIBAT STROK HABA DI INDIA

dan hampir 14 lagi meninggal dunia di bandar jiran Noida dalam tempoh 72 jam yang lepas, memaksa kerajaan persekutuan mengeluarkan nasihat kepada hospital kerajaan untuk mengutamakan rawatan pesakit strok haba.

Selain itu, lebih 60 pesakit yang mengalami strok haba telah dimasukkan ke pelbagai hospital. Kebanyakan mereka dikatakan adalah buruh atau individu berusia lebih 65 tahun,

kata Xinhua.

Delhi dan kawasan sekitarnya telah mengalami gelombang haba yang teruk dalam beberapa hari kebelakangan ini, dengan suhu sekitar 45 darjah Celsius pada waktu siang. - ©BERNAMA

Penyelam Malaysia maut semasa bersihkan kapal di Singapura

SINGAPURA, 19 Jun. - Seorang pekerja warga Malaysia berusia 22 tahun maut dalam kemalangan di tempat kerja semasa melakukan kerja-kerja pembersihan lambung kapal di Eastern Anchorage, di

sepanjang Marina South Pier, pada Selasa.

Jurucakap Kementerian Tenaga Manusia (MOM) Singapura berkata dalam kemalangan yang berlaku sekitar pukul 2.10 petang, mangsa

telah tersangkut pada salah satu kipas bot sokongan penyelam.

"Pekerja itu telah dibawa ke Hospital Besar Singapura, dan dia meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami," kata jurucakap itu dalam satu kenyataan pada Rabu.

MOM sedang menyiasat kejadian itu dan telah mengarahkan majikan terbabit untuk menghentikan semua aktiviti menyelam..

"Sebagai langkah keselamatan umum, prosedur menyelam komersial yang ditetapkan menggunakan 'Surface-Supplied Diving Equipment' (SSDE) atau 'Commercial Self-Contained Underwater Breathing Apparatus' (CSCUBA) mesti dipatuhi," kata jurucakap itu.

MOM berkata peralatan dan alat sedemikian memudahkan

koordinasi dan komunikasi antara penyelam dan penyelia semasa operasi. Peralatan selam skuba rekreasi tidak boleh digunakan untuk operasi menyelam komersial.

Sementara itu, CNA melaporkan bahawa pihak polis berkata berdasarkan siasatan awal, tiada unsur jenayah disyaki dan siasatan sedang dijalankan. - ©BERNAMA

Nvidia atasi Microsoft jadi syarikat paling bernilai di AS

NEW YORK, 19 Jun. - Pengeluar cip yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Nvidia pada Selasa menjadi syarikat paling bernilai di pasaran saham.

Nilai pasaran Nvidia melonjak kepada US\$3.33 trillion, didorong oleh permintaan tinggi bagi teknologi kecerdasan buatan (AI) serta mengatasi gergasi perisian Microsoft.

Saham Nvidia meningkat 3.5 peratus pada Selasa, manakala saham Microsoft mengalami sedikit penurunan.

Cip Nvidia telah menjadi teknologi utama untuk masa depan AI. Cip ini sesuai bagi pengkomputeran, terutamanya dalam melatih perisian AI di pusat data.

Syarikat lain yang tersenarai di bursa dengan nilai pasaran melebihi US\$3 trillion adalah Apple, dengan sahamnya melonjak minggu lalu selepas mengumumkan ciri-ciri AI baharu.

Sementara itu, Microsoft menggabungkan kecerdasan buatan ke dalam produknya melalui perkongsian bernilai berbilion dolar dengan OpenAI, pencipta chatbot ChatGPT.

Nvidia memanfaatkan trend ini dengan menjual beribu-ribu sistem cip mahal kepada Microsoft, Google dan syarikat induk Facebook, Meta.

Kenaikan harga saham Nvidia pada hari Selasa berikut pengumuman perkongsian dengan Hewlett Packard Enterprise untuk melaksanakan teknologi AI dalam perniagaan. - ©BERNAMA

Itali dijangka hadapi gelombang haba

ROME, 19 Jun. - Itali dijangka mengalami gelombang haba dalam beberapa hari akan datang, dengan suhu mencapai hampir 40 darjah Celsius mulai Rabu, ramal ahli meteorologi pada Selasa, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Di pulau besar Sicily dan Sardinia serta di Wilayah Selatan Puglia, suhu boleh melebihi 40 darjah Celsius di beberapa tempat pada Khamis, ramal perkhidmatan cuaca rasmi Tentera Udara Itali.

Di Rome, suhu sehingga 38 darjah Celsius dijangka pada Khamis. Di beberapa bahagian Campania, di mana Naples terletak, suhu setinggi 40 darjah Celsius dijangka. Di Tuscany, orang ramai boleh menjangkakan suhu antara 32 hingga 36 darjah Celsius, menurut ahli meteorologi.

Ia juga akan menjadi sangat panas di Emilia-Romagna di pantai Adriatik. Namun, wilayah utara Itali akan terselamat daripada suhu yang terlalu tinggi. Menurut laman cuaca ilmeteo.it, cuaca panas di tengah dan selatan Itali disebabkan oleh kawasan tekanan tinggi dari Afrika yang dinamakan "Minos" bergerak ke arah Itali.

Udara panas ini disertai dengan kelembapan tinggi dan malam yang panas. Menjelang hujung minggu, gelombang haba ini akan melemah. Pakar cuaca menjangkakan ribut petir yang teruk, terutamanya di utara, dan penurunan suhu. - ©BERNAMA

Kereta api menuju Prague terkandas di timur Jerman

BERLIN, 19 Jun. - Kereta api Eurocity yang dilaporkan menuju ke Prague terkandas di Brandenburg, Jerman pada petang Selasa akibat ribut, menurut pengendali kereta api Jerman Deutsche Bahn.

Jurucakap Deutsche Bahn

berkata kereta api itu terpaksa berhenti di Elsterwerda, kira-kira 50 kilometer barat laut Dresden selepas kabel elektriknya dihempap pokok tumbang, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Para penumpang kemudiannya dipindahkan dengan menaiki bas.

Jumlah penumpang yang terjejas tidak dapat dipastikan.

Jurucakap itu menegaskan hanya terdapat sedikit gangguan pada trafik kereta api disebabkan ribut yang melanda Jerman pada Selasa. - ©BERNAMA

Jumlah pelancong ke padang rumput Nalati di Xinjiang pecah rekod

BEIJING, 19 Jun. - Jumlah pelancong ke padang rumput itu sempena cuti Hari Raya Aidiladha iaitu pada 15 hingga 17 Jun lalu, dan angka tersebut meningkat 57.18 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Menurut pihak pengurusan tempatan, ramai pelancong berduyun-duyun ke padang rumput Nalati tahun ini hingga puncak musim pelancongan datang lebih awal berbanding dahulu.

Seramai 106,700 pelancong mengunjungi padang rumput itu sempena cuti Hari Raya Aidiladha iaitu pada 15 hingga 17 Jun lalu, dan angka tersebut meningkat 57.18 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Terletak di timur Lembah Yili, padang rumput Nalati merupakan satu daripada empat padang rumput terbesar di dunia, mempunyai pemandangan alam semula jadi yang indah.

Selain itu, keistimewaan adat

resam etnik Kazak yang menghuni kawasan Nalati juga menambah tarikan kepada padang rumput berkenaan.

Dari awal tahun ini hingga sekarang, padang rumput Nalati telah menerima kunjungan 1.01 juta pelancong, menokok 89.23 peratus dari tahun ke tahun.

Ia membawa keuntungan sebanyak RMB598.65 juta (RM388.44 juta) kepada sektor pelancongan tempatan, naik 49.46 peratus. - ©BERNAMA

Saintis Belanda terima Anugerah Lee Kuan Yew Water Prize 2024

SINGAPURA, 19 Jun. - Ahli mikrobiologi terkenal Belanda, Profesor Gertjan Medema dianugerahkan Lee Kuan Yew Water Prize 2024 atas impak global hasil kajiannya dalam bidang epidemiologi berdasarkan air sisa (WBE) yang membolehkan penggunaan pemantauan air sisa semasa pandemik COVID-19 untuk melawan penularan virus itu.

Medema, 62, penerima ke-10 anugerah yang diperkenalkan sejak 2008, menerima sebutir pingat emas daripada Presiden Singapura Tharman Shanmugaratnam pada majlis penyampaian anugerah itu pada Selasa malam, di sini. Beliau juga menerima S\$300,000 dan sijil anugerah.

Pakar mikrobiologi utama di Institut Penyelidikan Air KWR di Belanda itu berkata anugerah ini adalah satu kemuliaan kepada setiap orang dalam bidang sains.

"Saya berasa rendah diri dengan anugerah ini. Saya dedikasikan anugerah ini kepada semua yang meneroka, menyokong dan

menggunakan pemantauan air sisa sebagai alat kesihatan awam, dan menjadikannya kejayaan seperti hari ini," katanya sambil menambah bahawa wang hadiah akan digunakan untuk penyelidikan lanjut.

Penyelidikan Medema berkisar kepada memahami penularan patogen bawaan air dan ketahanan antimikrob melalui sistem air, serta termasuk membangunkan kaedah untuk mengesan dan menjelajahi patogen seperti virus, bakteria, dan parasit dalam air.

Beliau memulakan penyelidikan mengenai pemantauan kumbahan SARS-CoV-2 semasa pandemik COVID-19, yang menginspirasikan program serupa di seluruh dunia. Kini terdapat lebih daripada 4,000 lokasi di 72 negara, termasuk Singapura yang telah mengamalkan pemantauan air sisa SARS-CoV-2, dan Medema sendiri terlibat secara langsung dalam kira-kira 30 peratus daripada program ini.

Pakar kualiti dan kesihatan air ini juga telah menasihati Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) mengenai garis panduan air minuman mikrobiologi dan QMRA sejak 1991, serta SARS, Air, Sanitasi & Kebersihan (WASH) dan pemantauan air sisa. Medema juga menasihati Suruhanjaya Eropah mengenai Arahan Air Minum EU dan garis panduan penggunaan semula air.

Anugerah Lee Kuan Yew Water Prize yang ditaja oleh Yaysan Temasek, adalah salah satu sorotan utama Minggu Air Antarabangsa Singapura, platform dwitahunan untuk pemimpin dan pakar air global berkongsi dan mencipta bersama penyelesaian inovatif untuk menangani cabaran air bandar.

Dinamakan sempena Perdana Menteri pengasas Singapura, anugerah antarabangsa berprestij ini menghormati sumbangan cemerlang oleh individu atau organisasi dalam menyelesaikan cabaran air dunia dengan membangunkan atau menerapkan teknologi, dasar atau program inovatif yang memberi manfaat kepada manusia. - ©BERNAMA

THAILAND SERAH SURAT RASMI SERTAI BRICS

BANGKOK, 21 Jun. - Thailand secara rasmi telah menghantar surat hasrat untuk menyertai organisasi antara kerajaan yang terdiri daripada Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan, yang dikenali dengan akronim BRICS, kata jurucakap Kementerian Luar Nikorndej Balankura.

Nikorndej berkata surat rasmi hasrat untuk menyertai kumpulan

itu semasa mesyuarat menteri BRICS telah dikemukakan lebih seminggu lepas dan berharap mendapat maklum balas positif tidak lama lagi.

"Kami berharap menerima maklum balas positif dan diterima sebagai ahli BRICS sebaik sahaja sidang kemuncak BRICS seterusnya yang akan diadakan di Rusia, Oktober tahun ini," katanya

pada sidang media di sini, Khamis.

Pengumuman itu dibuat beberapa hari selepas Perdana Menteri negara jiran selatan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan dalam temu bual dengan media China pada Isnin bahawa Malaysia akan memulakan prosedur rasmi untuk menyertai blok ekonomi BRICS tidak lama lagi.

BRICS ditubuhkan pada 2009 sebagai platform kerjasama untuk

ekonomi yang sedang pesat membangun merangkumi Brazil, Rusia, India dan China manakala Afrika Selatan menyertai kumpulan itu pada 2010.

BRICS kini menyumbang satu perempat daripada ekonomi global, termasuk satu perlama perdagangan global dan mewakili sekitar 40 peratus penduduk dunia.

Dalam beberapa tahun

kebelakangan ini, kumpulan ini mula mengembangkan keahlian, dengan Arab Saudi, Iran, Ethiopia, Mesir, Argentina dan Emiriah Arab Bersatu menyertai kumpulan ini dan lebih daripada 40 negara menyatakan minat. - ©BERNAMA

Indonesia kesan lima titik panas kebakaran hutan di Riau

JAKARTA, 21 Jun. - Agensi meteorologi Indonesia telah mengesahkan lima titik panas kebakaran hutan dan tanah di wilayah Riau, khususnya di daerah Bengkalis, Kuantan Singingi dan Indragiri Hulu.

"Kami telah mengenal pasti lima titik panas di daerah Bengkalis, dua di Kuantan Singingi dan dua lagi di Indragiri Hulu," kata Indah DN, peramal cuaca dengan Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik Pekanbaru.

Bercakap kepada saluran berita tempatan Berita Satu pada Jumaat, beliau juga menyatakan lima titik panas yang sama di wilayah lain, dengan masing-masing dua di Sumatera Selatan dan Lampung.

Dalam kemas kini cuaca untuk Pekanbaru, Indah melaporkan keadaan langit berawan dan meramalkan hujan di beberapa daerah.

Mengenai kualiti udara, beliau melaporkan bahawa Pekanbaru dan kawasan sekitarnya pada masa ini mempunyai kualiti udara yang baik, dengan tahap zarah terampai yang sederhana dicatatkan.

Indonesia sering menghadapi keadaan kemarau berulang, mengalami kebakaran hutan dan tanah yang meluas setiap tahun.

Walaupun kesan El Nino meningkat dan keadaan lebih kering pada 2023, Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan melaporkan pengurangan ketara dalam kebakaran hutan dan tanah, turun 31 peratus berbanding tahun 2019. - ©BERNAMA

AS haramkan perisian antivirus Kaspersky berhubung kebimbangan keselamatan

WASHINGTON, 21 Jun. - Amerika Syarikat (AS) akan mengharamkan penjualan perisian antivirus yang dibuat oleh syarikat keselamatan siber yang berpangkalan di Moscow, Kaspersky, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Jabatan Perdagangan AS dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa operasi Kaspersky di negara itu menimbulkan risiko keselamatan negara disebabkan oleh keupayaan serangan siber Kerajaan Rusia dan keupayaan untuk mempengaruhi atau mengarahkan operasi Kaspersky.

"Kaspersky pada umumnya tidak lagi dibenarkan, antara lain menjual perisianya di AS atau menyediakan kemas kini kepada perisian yang sudah digunakan," katanya pada Khamis.

Jabatan itu menasihatkan pengguna perisian antivirus Kaspersky yang dipasang secara meluas agar mencari alternatif berikutnya berdasarkan potensi risiko.

"Rusia telah berulang kali menunjukkan bahawa mereka mempunyai keupayaan dan niat untuk mengeksloitasi syarikat Rusia seperti Kaspersky Lab, untuk mengumpul dan menjadikan maklumat sensitif AS sebagai senjata, dan kami akan terus menggunakan setiap alat yang ada untuk melindungi keselamatan negara AS dan rakyat Amerika," kata Setiausaha Perdagangan Gina Raimondo.

Penjualan perisian Kaspersky di AS akan dilarang mulai 20 Julai, manakala kemas kini perisian akan tersedia untuk pengguna sedia ada sehingga 29 September. Perisian Kaspersky direka untuk melindungi pengguna daripada trojan, perisian pengintip dan ancaman siber lain.

Pemasangan perisian Kaspersky pada peranti kerajaan di AS telah diharamkan sejak 2017, dan Pejabat Persekutuan bagi Keselamatan Maklumat (BSI) Jerman juga telah memberi amaran terhadap penggunaan perisian berkenaan.

Sementara itu, Kaspersky menafikan produk mereka menimbulkan risiko dengan menegaskan bahawa ia adalah syarikat keselamatan siber global swasta tanpa kaitan dengan Kerajaan Rusia. - ©BERNAMA

WHO beri amaran ubat diabetes palsu diedar di seluruh dunia

GENEVA, 21 Jun. - Ubat diabetes palsu telah diedarkan di seluruh dunia sejak 2022, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran dalam satu kenyataan pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pihak berkuasa kesihatan merujuk secara khusus kepada penemuan di Britain, Amerika Syarikat dan Brazil sejak Oktober 2023.

Ubat yang terlibat ialah Ozempic, ubat yang mengandungi bahan aktif semaglutide, yang juga diluluskan oleh Kesatuan

Eropah (EU) untuk rawatan diabetes jenis 2.

Versi palsu kelihatan sama dengan ubat sebenar. Kerana produk itu juga menyekat selera makan, ia semakin banyak diberi preskripsi untuk penurunan berat badan.

Namun, ubat palsu mungkin tidak mengandungi jumlah bahan aktif yang betul dan oleh itu boleh menyebabkan gula dalam darah tidak terkawal bagi pesakit diabetes, kata WHO, sambil menambah bahawa ia mungkin juga mengandungi bahan aktif

lain yang berisiko kepada kesihatan.

WHO menyeru doktor, ahli farmasi, pihak berkuasa pengawalseliaan dan orang awam untuk berwaspada.

Orang ramai hanya perlu membeli ubat melalui preskripsi dari farmasi dan bukan secara talian, kata WHO.

Pengguna perlu memastikan bahawa skala dos pada peninsulin dipaparkan dengan betul, label kelihatan betul dan tiada kesalahan ejaan pada kotak, tambah WHO. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat arak beracun meningkat kepada 47 orang di Tamil Nadu, India

NEW DELHI, 21 Jun. - Angka kematian akibat arak beracun di negeri Tamil Nadu, India meningkat kepada 47 pada Jumaat dengan kira-kira 120 orang masih dirawat di hospital.

Polis telah menahan empat orang yang didakwa terlibat dalam kes minuman keras Haram itu.

Mangsa telah mengambil

minuman beralkohol bercampur metanol pada malam Selasa di daerah Kallakurichi, kira-kira 250 kilometer (km) dari ibu negeri Chennai.

Kematian akibat arak beracun sering dilaporkan di India.

Minuman keras toksik membunuh 22 orang di daerah Villupuram dan Chengalpattu di Tamil Nadu pada Mei tahun lepas, manakala 46 orang maut selepas meminum arak beracun di negeri Gujarat, barat India pada Julai 2022.

Sejumlah besar kematian juga berlaku di negeri Assam, Punjab, Uttarakhand dan Uttar Pradesh dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

- ©BERNAMA

Kementerian, Bank Syariah komited jadikan Indonesia hab halal global

JAKARTA, 21 Jun. - Kementerian Perusahaan Milik Negara (BUMN) Indonesia dan Bank Syariah Indonesia (BSI) mengesahkan komitmen mereka untuk melonjakkan Indonesia sebagai pemain utama dalam rantai nilai halal global, lapor agensi berita ANTARA.

"Indonesia, dengan mengambil kesempatan daripada penduduk Islam kedua terbesar, boleh menjadi pusat industri halal dunia," kata Kartika Wirjoatmodjo, timbalan menteri kementerian itu, semasa pembukaan Ekspo Antarabangsa BSI 2024 di Jakarta pada Khamis.

Beliau berkata penggabungan tiga bank syariah negeri ke dalam BSI pada 2021 merupakan manifestasi konkret transformasi yang dilaksanakan kementerian itu.

Kini memasuki tahun ketiga, BSI menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, satu daripadanya telah memasuki kedudukan 10 Bank Islam Global Terbaik dari segi permodalan

pasaran, katanya.

Ini sejajar dengan lonjakan harga saham penerbit, yang mendorong permodalan pasaran syarikat kepada Rp131.47 trilion (sekitar US\$7.9 bilion) pada 13 Mac.

Dari segi prestasi kewangan, Wirjoatmodjo berkata BSI merupakan satu-satunya bank syariah dalam lima bank teratas di Indonesia, dengan jumlah aset sebanyak Rp353.4 trilion dan keuntungan bersih Rp5.7 trilion pada 2023.

BSI juga merupakan penyumbang zakat terbesar di Indonesia, menyediakan Rp222 bilion pada tahun 2023.

Dari segi pengembangan, BSI telah membuka cawangan operasi di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Ia kini dalam proses membuka cawangan di Arab Saudi untuk terus membangunkan potensi ekosistem Islam, terutama perkhidmatan haji dan umrah.

"Pada masa ini, BSI sentiasa bertanggungjawab untuk menjadi sebuah bank syariah yang

inklusif dan moden serta memberi perkhidmatan kepada semua segmen pelanggan," katanya.

Angka itu menjadikan BSI bank dengan jumlah pelanggan kelima terbesar di Indonesia dan bank syariah dengan pelanggan paling ramai di dunia.

Beliau berharap agenda padanan perniagaan di ekspo itu akan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dibantu BSI meneruskan pengembangan perniagaan serta penanda aras berkaitan pembangunan produk halal di negara-negara Islam.

Ekspo Antarabangsa BSI akan diadakan setiap tahun untuk menghimpunkan ahli perniagaan halal dengan pembeli antarabangsa melalui padanan perniagaan, katanya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SKUAD BOLA SEPAK KEBANGSAAN B-16 BERLEPAS KE SURAKARTA, INDONESIA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyertai Kejohanan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah 16 (B-16), 2024 untuk bersaing dengan pasukan bola sepak negara-negara ASEAN yang akan berlangsung di Surakarta, Indonesia, bermula 19 Jun hingga 4 Julai 2024.

Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belseyar dan menyuntik semangat kepada pasukan kebangsaan, pagi tadi.

Juga hadir ialah Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.

Penyertaan pasukan NBD pada kejohanan tahunan AFF tersebut akan menjadi landasan terbaik kepada para pemain muda negara untuk menunjukkan potensi dan kemampuan mereka bersaing di peringkat serantau sebelum ke pentas antarabangsa.

Pengurus Pasukan Bola Sepak Kebangsaan NBD B-16, Awang Mohd. Ali Rahman bin Haji Sulaiman semasa ditemui Pelita Brunei menjelaskan, perkembangan



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belseyar dan menyuntik semangat kepada pasukan kebangsaan yang akan menyertai Kejohanan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah 16 (B-16), 2024.

pasukan menunjukkan sikap positif semasa latihan dan beberapa siri perlawanan persahabatan sebelum ini.

Walau bagaimanapun ujarnya, cabaran daripada pasukan lain setentunya sangat kuat dan hebat memandangkan kebiasaan persiapan pasukan negara-negara luar lebih awal dan teratur.

Menyentuh mengenai kedudukan NBD di dalam Kumpulan 'B' bersama Viet Nam,

Myanmar dan Kemboja katanya, sudah pasti Viet Nam dan Myanmar adalah pasukan kegemaran.

Tambahnya lagi, harapan bagi pasukan tidak terlalu tinggi dan sekurang-kurangnya mendapat tiga mata memandangkan persediaan pasukan sangat-sangat terhad, dan penyertaan semua pemain buat kali ini adalah pertama kali mengikuti kejohanan luar negara.

AFF B-16 kali ke-19 tersebut dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' terdiri dari Indonesia, Laos, Filipina dan Singapura; sementara Kumpulan 'B' diwakili oleh Viet Nam, Myanmar, Kemboja dan NBD; manakala Thailand, Malaysia, Timor Leste dan Australia sebagai pasukan jemputan, berada dalam Kumpulan 'C'.

Pasukan Indonesia merupakan pasukan juara pada kejohanan AFF B-16 edisi 2022.

Awang Irwan Hamid kekal berada tangga teratas

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Awang Irwan Hamid kekal berada di tangga teratas papan pendahulu pada hari keempat The Baiduri Masters 2024, dengan menyaksikan 67 gross round beliau yang mengagumkan pada hujung minggu lalu, kekal kukuh meskipun terdapat peningkatan daripada para pesaingnya.

Bryan Chiew (2-under) pagi tadi berhasil memintas Awang Asmawi Ismail (par) yang telah melengkapkan podium.

Satu pukulan atau kurang di belakang, trio Awang Tony Haji Karim (par), Awangku Syakir Pengiran Haji Ali (par) dan Awang Faiz Damit (1-over) berkemungkinan menjadi finalis.

Pusingan 12 terbaik ialah Awang Haji Shaminan Haji Damit (1-over), Madan Kumar Gurung (1-over), Awang Md. Haswandi Haji Pauin (1-over), Awang Md. Zainul Amir Abdullah (1-over), Awang Seruji Haji Setia (2-over) dan Awang Suhaiimi Haji Ibrahim (2-over).

Pemain golf boleh bersaing dalam empat kategori, iaitu Terbuka Lelaki, Senior, Terbuka Wanita dan Junior (umur 13 hingga 18).

Pendaftaran Baiduri Masters masih lagi dibuka dan pendaftaran dalam talian juga masih dibuka dengan menawarkan kadar diskaun sebanyak BND115 untuk Kategori Lelaki, Wanita dan Senior, manakala BND60 untuk Kategori Junior.

Pemain golf yang berminat boleh mendaftar secara dalam talian melalui platform Maribali di www.maribali.com.bn dan carian Baiduri Masters.

Hasil daripada kejohanan berkenaan akan disalurkan kepada lima pertubuhan kebajikan,

iaitu Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC); Pusat Kanak-kanak Berkeperluan Khas (KACA); Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA); Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP) dan Learning Ladders Society (LLS).

Para peserta bersaing untuk Challenge Trophy dan Green Jacket. Hadiah-hadiah menarik iaitu hole-in-one termasuk BMW 520i pada hole 16, MINI One pada hole sembilan atau BND30,000 pada hole tujuh dan 13.

Untuk maklumat lanjut, layari www.baiduri.com atau hubungi Kelab Golf Pantai Mentiri di +673 2791021.

Tahukah Awda

KEMPEN awam Hari Tanpa Beg Plastik telah diadakan oleh Kementerian Pembangunan semasa menyambut Hari Mesra Pelanggan Kementerian Pembangunan pada bulan Mei 2010 yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada ketika itu yang bertujuan untuk mendidik orang awam mula mempraktikkan penggunaan beg guna semula apabila membeli-belah. Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik telah dilancarkan pada 26 Mac 2011 di mana penggunaan beg plastik tidak dibolehkan pada hujung minggu. Tujuan inisiatif ini diungkayahkan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan seterusnya mempromosikan penggunaan beg guna semula apabila membeli-belah.

SUMBER : mod.gov.bn



ANTARA aksi pemain yang memperlihatkan teknik pukulan pada The Baiduri Masters 2024.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERHATI-HATI DI JALAN RAYA, INGAT ORANG YANG TERSAYANG